
PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

HARI ISNIN: 16 MARCH 2009

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 11 HINGGA 76)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

Soalan No: 11

SIDANG DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN	**: LISAN**
Daripada	**: Y.B DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH [Batu Sapi]**
Tarikh	**: 16 Mac 2009**
Soalan	**: 11**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah terdapat imej-imej satelit yang dibekalkan oleh Agensi Remote Sensing Negara digunakan bagi tujuan membenteras pendatang tanpa izin di Sabah dan juga Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Penggunaan imej satelit Agensi Remote Sensing Malaysia bagi tujuan pengurusan keselamatan negara termasuk pembenterasan pendatang tanpa izin ke negara ini sedang diusahakan dengan agensi-agensi keselamatan yang berkaitan. Usaha ini akan menjadi

lebih berkesan apabila satelit negara kita, RazakSat, dilancarkan tidak lama lagi. Kelebihan satelit negara kita ini ialah keupayaannya membekalkan imej-imej satelit yang lebih kerap dan terkini serta beresolusi tinggi bagi menyokong usaha-usaha di atas.

Pada masa yang sama MOSTI melalui Agensi Remote Sensing Malaysia dengan kerjasama beberapa agensi lain sedang berusaha membangunkan sistem remote sensing *Unmanned Aerial Vehicles (UAV)* negara yang juga diperlukan untuk tujuan membanteras pendatang tanpa izin. *UAV* ini dijangka siap dalam tempoh empat tahun daripada sekarang.

NO SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail**

[Machang]

TARIKH : **16 Mac 2009**

SOALAN : **Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa peratus umat Islam yang menyimpan dengan Tabung Haji, berikan pecahannya mengikut negeri dan apakah langkah dan strategi yang diambil Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai umat Islam berbuat demikian.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Sehingga 31 Disember 2008, jumlah pendeposit Tabung Haji (*TH*) adalah seramai 4.74 juta orang bersamaan 27.74 peratus daripada anggaran penduduk Islam Malaysia. Pecahan jumlah pendeposit mengikut negeri adalah seperti berikut:

NO SOALAN: 12

Negeri	Anggaran Penduduk Islam	Pendeposit TH	% Pendeposit TH
Perlis	216,554	67,882	31.35
Kedah	1,541,733	483,837	31.38
Pulau Pinang	693,846	209,811	30.24
Perak	1,348,016	424,713	31.51
Selangor	2,795,351	646,387	23.12
Wilayah Persekutuan	829,908	358,194	43.16
Melaka	493,550	225,665	45.72
Negeri Sembilan	611,598	232,656	38.04
Johor	1,989,883	579,429	29.12
Pahang	1,159,400	366,968	31.65
Terengganu	1,080,037	363,371	33.64
Kelantan	1,549,303	417,022	26.92
Sabah	1,982,159	212,428	10.72
Sarawak	807,561	155,577	19.27
Jumlah Keseluruhan	17,098,899	4,743,940	27.74

Nota: Anggaran penduduk Islam Malaysia berdasarkan bancian pada tahun 2000 dengan anggaran pertambahan penduduk sebanyak 3% setahun.

TH sentiasa berusaha untuk meningkatkan jumlah pendeposit dari masa ke semasa. *TH* telah mensasarkan 50% daripada umat Islam di Malaysia menjadi pendeposit pada tahun 2012. Bagi tahun 2009 ini, *TH* menetapkan sasaran ahli baru sebanyak 1 juta orang. Pelbagai aspek dan strategi pemasaran telah diatur dan dijalankan seperti butiran berikut:

1. Aktiviti pameran, penerangan dan ekspo berserta kempen terus dijalankan secara agresif dan berterusan bagi meningkatkan bilangan pendeposit *TH*. Lokasi sasaran kempen meliputi sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi, pejabat-pejabat kerajaan, kilang-kilang dan sebagainya. Program kerjasama agensi kerajaan dan swasta akan dikenalpasti bagi membolehkan *TH* mendapat platform untuk memasarkan produknya disamping mendapat ahli baru. Bagi menarik minat orang ramai, *TH* akan bergerak secara kumpulan iaitu bersama-sama dengan anak syarikat dan syarikat bersekutunya. Ini juga dapat menarik minat orang ramai untuk mendekati dan memahami *TH* secara mendalam.

2. Kelab TaHa merupakan platform utama untuk menarik minat para pelajar menabung dan menjadi ahli *TH* di usia muda lagi. Fokus pemasaran mendapatkan ahli baru *TH* melalui Kelab TaHa disasarkan kepada para pelajar sekolah. Kelab TaHa yang mendapat sokongan Kementerian Pelajaran Malaysia telah dilancarkan pada 10 April 2008 khusus untuk para pelajar yang berumur 7 hingga 17 tahun. Pelbagai manfaat dan aktiviti menarik disediakan oleh *TH* kepada semua ahli kelab seperti klinik-klinik bimbingan peperiksaan di seluruh negara meliputi UPSR, PMR dan SPM. Ahli Kelab diberi keistimewaan potongan harga barangan, peraduan dan pertandingan serta penglibatan dalam program anjuran *TH*.

3. Bagi memudahkan pendeposit dan orang ramai, *TH* telah menyediakan perkhidmatan mobile kaunter bagi membolehkan orang ramai membuka Akaun *TH* tanpa perlu hadir ke pejabat *TH*. Perkhidmatan mobile kaunter secara *online real time* ini digunakan secara aktif dalam setiap kempen dan ekspo *TH* yang dijalankan di seluruh negara.

4. Pada masa yang sama, promosi dan iklan bersepadu melalui media cetak dan elektronik dirancang dan dilaksanakan mengikut kesesuaian bagi memberikan informasi yang meluas dan tepat kepada orang ramai mengenai kepentingan dan kelebihan menabung di *TH* yang meliputi pelaburan yang halal, pengecualian cukai pendapatan dan zakat perniagaan yang telah diuruskan.

5. Selain itu, bagi memberikan nilai tambah dalam perkhidmatan kepada pelanggan, *TH* telah melaksanakan kerjasama strategik dengan Bank Islam dan Bank Rakyat di mana melalui inisiatif ini pelanggan kedua-dua bank boleh membuat transaksi simpanan dan pengeluaran Akaun *TH* melalui perkhidmatan ATM dan CDM bank masing-masing. Melalui perkhidmatan nilai tambah ini, *TH* yakin dapat menarik lebih ramai pendeposit baru.

6. Amalan Standard Perkhidmatan Pelanggan (SPP) yang diamalkan dan diterapkan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah menepati standard dan kualiti perkhidmatan diamalkan secara meluas di

setiap kaunter oleh anggota *TH*. *TH* yakin melalui perkhidmatan yang berkualiti ini dapat menarik minat orang ramai menjadi pendeposit *TH*.

7. Ahli – ahli YB juga boleh memainkan peranan menggalakkan rakyat Malaysia yang beragama Islam di kawasan parlimen masing - masing untuk menjadi pendeposit *TH* kerana *TH* telah terbukti memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggannya.

SOALAN NO: 13

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' ABDUL MANAN ISMAIL (PAYA BESAR)**

TARIKH : **16 MAC 2009 (ISNIN)**

SOALAN : **DATO' ABDUL MANAN ISMAIL (Paya Besar)** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jenis buah-buahan tempatan yang berpotensi di pasaran antarabangsa dan sejauh mana usaha Kementerian menggalakkan para petani untuk mengusahakan tanaman buah-buahan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat sembilan jenis buah-buahan tempatan yang berpotensi di pasaran antarabangsa iaitu belimbing, betik, durian, jambu batu, mangga, nanas, nangka, pisang dan tembikai.

Bagi meluaskan pasaran bagi buah-buahan tempatan ke negara-negara lain, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian juga telah membuat beberapa rundingan dengan negara-negara seperti Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Korea Selatan dan

Republik Rakyat China. Usaha ini dilakukan melalui mesyuarat kerjasama dua hala kuarantin tumbuhan antara negara tersebut dengan Malaysia.

Bagi menggalakkan petani untuk mengusahakan tanaman buah-buahan untuk eksport, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil langkah untuk menjalankan program Ladang Kontrak bagi memastikan bekalan buah yang sesuai dapat dihasilkan secara konsisten untuk memenuhi keperluan sesuatu pasaran sama ada dalam dan luar negara. Pada masa ini terdapat 13 jenis buah yang tersenarai dalam program ladang kontrak iaitu belimbing, betik, durian, jambu batu, limau, mangga, mata naga, manggis, nanas, nangka, pisang, rambutan dan tembikai. Program ini dilaksanakan secara bersepadu antara agensi-agensi di bawah MoA dan dapat menghasilkan buah-buahan yang berkualiti, selamat, bekalan yang berterusan serta memenuhi keperluan pasaran eksport yang disasar.

NO : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT**
TARIKH	:	**16 MAC 2009 (ISNIN)**
SOALAN	:	**NO.14**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan proses Pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar di Universiti awam di Malaysia adalah dijalankan dengan telus dan bebas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang diamalkan di IPT pada masa ini dijalankan dengan telus dan bebas iaitu bermula dengan proses penamaan calon, berkempen dan pengundian. Pihak Hal Ehwal Pelajar IPTA bertindak sebagai urus setia bagi memastikan pemilihan MPP berjalan lancar.

Mana-mana calon boleh berkempen sama ada secara bersendirian atau berkumpulan, namun mereka tidak dibenarkan mewakili parti politik. Ini bagi mengelakkan calon-calon dipergunakan oleh pihak

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT**
TARIKH	:	**16 MAC 2009 (ISNIN)**
SOALAN	:	**NO.14**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan proses Pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar di Universiti awam di Malaysia adalah dijalankan dengan telus dan bebas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang diamalkan di IPT pada masa ini dijalankan dengan telus dan bebas iaitu bermula dengan proses penamaan calon, berkempen dan pengundian. Pihak Hal Ehwal Pelajar IPTA bertindak sebagai urus setia bagi memastikan pemilihan MPP berjalan lancar.

Mana-mana calon boleh berkempen sama ada secara bersendirian atau berkumpulan, namun mereka tidak dibenarkan mewakili parti politik. Ini bagi mengelakkan calon-calon dipergunakan oleh pihak

tertentu dan bertujuan mengelakkan *interference* dari luar sekali gus mengganggu kesejahteraan kampus. Kementerian telah memberi kuasa kepada Naib Canselor dalam menguruskan proses pemilihan MPP di setiap IPTA. Kementerian berpendapat IPTA mampu menjalankan amanah yang diberikan ini dengan penuh tanggungjawab bagi memastikan proses pemilihan berjalan dengan telus dan adil serta tidak mengganggu proses pembelajaran.

Soalan No : 15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DING KUONG HIING (SARIKEI)**
TARIKH	:	**16.03.2009**

SOALAN:

Y.B. DING KUONG HIING [SARIKEI] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kerajaan setiap tahun meneruskan peruntukan kepada Sekolah Bantuan Jenis Cina dan Mission School negeri Sarawak yang daif khasnya di kawasan luar bandar. Jika tidak, kenapa?

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menghadapi cabaran dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan hari ini, Kerajaan komited untuk memastikan agenda pembangunan modal insan terlaksana secara menyeluruh tanpa meminggirkan sebarang pihak. Setiap murid adalah penting, tidak kira siapa mereka, di mana mereka belajar dan di mana mereka tinggal. Usaha perlu dibuat bagi memastikan mereka tidak tersisih dari arus pendidikan perdana, tidak tercicir dari sistem pendidikan dan mendapat akses, ekuiti dan kualiti dalam pendidikan. Sesuai dengan hasrat ini, Jemaah Menteri telah meluluskan supaya satu pelan tindakan khusus untuk memantapkan pembangunan sekolah bantuan kerajaan, tanpa mengira sama ada ianya Sekolah Mubaligh, SJKC, SJKT, mahupun SABK disediakan. Antara perkara yang dirancang adalah untuk memastikan sekolah bantuan kerajaan yang daif dan usang diberi peruntukan sewajarnya bagi pembinaan bangunan baru, ubah suai ataupun menaik taraf sekolah tersebut. Selain itu, Peruntukan

Belanja Mengurus kepada semua jenis sekolah juga disediakan yang merangkumi emolumen dan elaun guru, bayaran utiliti, pemberian Bantuan Per Kapita (PCG), kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) melalui peruntukan PCG, diberikan secara sama rata kepada semua sekolah. Kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan bagi menggabung Sekolah Bantuan Kerajaan Kurang Murid agar sekolah-sekolah baru yang lebih kondusif dapat dibangunkan. KPM juga sedang mengkaji kes demi kes sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang ingin menukar status kepada sekolah kerajaan. Semua ini akan dibentangkan di dalam pelan induk berkaitan pemantapan sekolah bantuan kerajaan tidak lama lagi.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, selain daripada peruntukan RM100 juta untuk sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang diperuntukan dalam RMKe-9, kerajaan juga menyediakan RM200 juta lagi melalui pakej rangsangan pertama yang diagihkan secara sama rata sebanyak RM50 juta kepada sekolah bantuan kerajaan (SJKC, SJKT, Sekolah Mubaligh dan SABK). Di samping itu, dalam pakej rangsangan kedua yang dibentangkan baru-baru ini, tumpuan pembangunan kepada sekolah bantuan kerajaan juga tidak dipinggirkan. Peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh kerajaan ini sudah pasti memberikan fokus kepada sekolah-sekolah yang daif khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Soalan No: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**16 MAC 2009 (ISNIN)**
SOALAN	:	**NO. 16**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa jika broadband ditakrif sebagai kelajuan minima 1Mbps ke atas maka kadar penembusan broadband di Malaysia akan jatuh menjadi kurang daripada 3 peratus memandangkan banyak negara Asia kini memperolehi broadband 4Mbps ke atas sebagai paras entry level bagi pengguna sehari-hari.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Adalah tidak benar kadar penembusan jalur lebar di Malaysia akan menjadi kurang daripada 3 peratus jika jalur lebar ditakrif sebagai kelajuan minima 1 Mbps ke atas. Ini adalah kerana sekitar 70% daripada pelanggan jalur lebar masa kini melanggan jalur lebar dengan kelajuan 1 Mbps ke atas.

Walaupun ada negara di Asia menawarkan jalur lebar dengan kelajuan minimum 4 Mbps, namun pihak *International Telecommunication Union* (ITU) masih mengguna pakai standard kelajuan minimum jalur lebar sebanyak 256 Kbps.

Perlu ditegaskan bahawa konsep "always on" adalah merupakan penentu utama dalam takrifan jalur lebar. Di samping itu, keupayaan teknologi untuk menyokong aplikasi dan kandungan pengguna merupakan aspek yang tidak kurang pentingnya dalam menentukan takrifan tersebut.

****

SOALAN NO. 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
[SIPITANG]

TARIKH : 16 MAC 2009

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN APAKAH LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN UNTUK MEMENDEKKAN TEMPOH PERJALANAN ANTARA SIPITANG-BANDAR SERI BEGAWAN (BRUNEI) TERUTAMA SEKALI PIHAK IMIGRESEN YANG SELALU MENJADI RUNGUTAN KERANA PASPORT AKAN DI COP SEBANYAK TUJUH KALI SETIAP PERJALANAN.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, DI DALAM RMK-9, KERAJAAN PERSEKUTUAN TELAH DAN SEDANG MELAKSANAKAN DUA PROJEK DI LALUAN PAN BORNEO INI UNTUK KESELESAAN PENGGUNA JALANRAYA DI SEMPADAN SABAH-SARAWAK. PROJEK TERSEBUT ADALAH:

i) MEMBAIKPULIH JALAN LAWAS – TRUSAN YANG TELAH DISIAPKAN PADA 31 OGOS 2008 DENGAN KOS PROJEK SEBANYAK RM9.7 JUTA;

ii) PEMBINAAN JAMBATAN BATANG TRUSAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN DAN DIJANGKA AKAN SIAP PADA AWAL TAHUN 2010 DENGAN KOS PROJEK SEBANYAK RM 32 JUTA

ADALAH DIYAKINI DENGAN SIAPNYA JAMBATAN INI, TEMPOH PERJALANAN AKAN DAPAT DIKURANGKAN SEBANYAK 25 MINIT IAITU TEMPOH YANG DIPERLUKAN UNTUK MENYEBERANGI SUNGAI TRUSAN DENGAN MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN FERI PADA MASA INI.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, PERJALANAN DARAT DI ANTARA SIPITANG DI NEGERI SABAH DENGAN BANDAR SERI BEGAWAN DI NEGARA BRUNEI HARUS MELALUI WILAYAH LAWAS SARAWAK, WILAYAH TEMBURONG BRUNEI. WILAYAH LIMBANG SARAWAK DAN AKHIR SEKALI KE DAERAH MUARA, BRUNEI. PERJALANAN DARAT INI AKAN MELALUI EMPAT (4) POS IMIGRESEN DI SINDUMIN (SEMPADAN SABAH/SARAWAK), MENGKALAP (SEMPADAN LAWAS/BRUNEI – DAERAH TEMBURONG), SG. PANDARUAN (SEMPADAN LIMBANG/BRUNEI – DAERAH MUARA)

BERHUBUNG PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH AHLI YANG BERHORMAT MENGENAI PASPORT YANG PERLU DICOP BERULANG KALI BAGI SETIAP PERJALANAN MERUPAKAN SATU KEPERLUAN IMIGRESEN YANG BUKANLAH DI BAWAH BIDANG KUASA KEMENTERIAN INI.

SOALAN NO: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

TARIKH: 16 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [Kuala Selangor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pekerja yang diberhentikan dalam sektor pembuatan dalam tempoh suku terakhir 2008 dan suku pertama 2009.

PR-1221-L18236

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pemberhentian dalam sektor pembuatan yang dicatatkan pada suku akhir 2008 iaitu dari bulan September hingga Disember 2008 adalah melibatkan 7,127 orang pekerja. Majikan yang terlibat dengan pemberhentian adalah melibatkan seramai 150 majikan.

Bagi tahun 2009, sehingga 11 Mac 2009, jumlah pemberhentian dalam sektor pembuatan yang dicatatkan adalah seramai 8,723 orang. Majikan yang terlibat dengan pemberhentian adalah melibatkan seramai 174 majikan.

SOALAN NO: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**
TARIKH	:	**16 MAC 2009**
RUJUKAN	:	**1596**

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang ditangkap dalam operasi-operasi yang dilancarkan dan berapakah jumlah yang telah dihantar balik ke negara asal.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Keningau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) merujuk kepada warganegara asing yang masuk dan tinggal di negara ini dengan melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam Akta Pasport 1966 atau Akta Imigresen 1959/63 serta Peraturan Imigresen 1963. Seseorang warganegara asing dikategorikan sebagai PATI apabila melanggar syarat-syarat seperti berikut:

(i) Masuk dan tinggal di negara ini secara haram (Kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002);

(ii) Tinggal melebihi masa (tempoh) yang dibenarkan. (Kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63;

(iii) Menyalahgunakan Pas Lawatan/Permit Kerja yang dikeluarkan. (Kesalahan di bawah peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan

(iv) Masuk/tinggal di negara ini atas dokumen perjalanan visa palsu. (Kesalahan di bawah 56(1)(1) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002)

Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), **Bagi Tempoh 2004 hingga 2008, JIM bersama agensi penguatkuasaan lain seperti RELA dan Polis Diraja Malaysia telah melancarkan sebanyak 24,054 operasi penguatkuasaan bersepadu. Melalui operasi-operasi ini, seramai 239,944 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah ditangkap di seluruh negara. Seramai 235,397 PATI telah diusir ke negara asal mereka.**

Pecahan lima buah negara yang mempunyai **Tangkapan PATI yang paling ramai bagi tempoh 2004 hingga 2008 adalah Indonesia (115,617), Filipina (35,770), Myanmar (20,978), Thailand (11,483) dan India (7240).** Bagi Pengusiran, lima buah negara yang mempunyai **Pengusiran PATI yang paling ramai adalah Indonesia (123,580), Myanmar (24,287), Filipina (19,064), Thailand (9820) dan India (9736).**

(20)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY**

[Batu Kawan]

TARIKH : **16 MAC 2009**

RUJUKAN : **1595**

Soalan:

Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan mengapakah kenaikan pangkat melebihi pangkat ASP tidak diberikan kepada pegawai-pegawai polis dari golongan bukan Bumiputra.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada YB. Batu Kawan yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar kenaikan pangkat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis dan PDRM bahawa **"seseorang pegawai itu dipilih untuk kenaikan pangkat semata-mata di atas kebolehannya dan merit"**. Kebolehan seseorang pegawai tersebut akan ditentukan mengikut, **pertama**, kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya, **kedua**, sifat-sifat peribadi termasuk keutuhan, kelulusan-kelulusan sereta pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi dan **ketiga**, kekananan di dalam perkhidmatan hanya akan diambil kira apabila dua atau lebih pegawai itu didapati mempunyai kebolehan yang sama. Sehubungan dengan ini, pegawai-pegawai bukan Bumiputra turut mempunyai peluang kenaikan pangkat yang sama dalam PDRM.

MAKLUMAT TAMBAHAN

PERANGKAAN PEGAWAI KANAN POLIS YANG DINAIKKAN/MEMANGKU PANGKAT DARI DSP-DCP TAHUN 2007 MENGIKUT PECAHAN KAUM.

BANGSA	DSP	SUPT	ACP	SAC II	SAC I	DCP	CP	JUMLAH
MELAYU	124	143	72	21	12	7	2	**381**
CINA	33	31	11	3	2	0	0	**80**
INDIA	7	5	2	1	0	0	0	**15**
LAIN-LAIN BANGSA	13	12	2	0	0	0	0	**27**
JUMLAH	**177**	**191**	**87**	**25**	**14**	**7**	**2**	**503**

PERANGKAAN PEGAWAI KANAN POLIS YANG DINAIKKAN/MEMANGKU PANGKAT DARI DSP-DCP TAHUN 2008 MENGIKUT PECAHAN KAUM.

BANGSA	DSP	SUPT	ACP	SAC II	SAC I	DCP	CP	JUMLAH
MELAYU	41	78	41	22	11	9	4	**206**
CINA	4	9	5	4	0	0	1	**23**
INDIA	1	5	0	0	0	0	0	**6**
LAIN-LAIN BANGSA	4	3	1	0	0	0	0	**8**
JUMLAH	**50**	**95**	**47**	**26**	**11**	**9**	**5**	**243**

Soalan No: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH

TARIKH : 16 MAC 2009

SOALAN NO. 21:

Tuan Matulidi Bin Jusoh minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan pada tahun 2008 yang bertujuan melahirkan usahawan belia mengikut kategori projek dan bagaimana status projek tersebut.

JAWAPAN :

1. Bagi tahun 2008, secara keseluruhannya KBS telah menyediakan dana berjumlah RM 26,350,600.00 bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan keusahawanan belia dan bantuan dalam bentuk dana kewangan. Antara program yang dilaksanakan tersebut ialah Kursus Asas Perniagaan, Seminar Peluang Niaga Tani, Kursus Reka Bentuk dan Pelabelan, Kursus Rancangan Perniagaan dan Karnival Bimbingan Usahawan ICT.

2. Selain daripada menyediakan program berbentuk latihan pembangunan keusahawanan kepada para belia, KBS pada tahun 2008 turut menyediakan bantuan dana berbentuk kewangan kepada

belia yang berpotensi dalam bidang perniagaan. Dana-dana tersebut ialah:

i. Program Bimbingan Usahawan Muda

Bagi tahun 2008, pihak kementerian telah menyediakan peruntukan berjumlah RM 2, 892,000.00 bagi Program Bimbingan Usahawan Muda (PBUM). Menerusi program ini, KBS memberi bantuan peralatan perniagaan berjumlah RM 2000.00 kepada belia yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Seramai 1448 orang belia telah mendapat bantuan tersebut pada tahun 2008.

Mengikut data tahun 2008, antara lima (5) bidang/projek perniagaan yang diceburi oleh belia ialah:

a.	Makanan & Minuman	-	360 Orang
b.	Jahitan & Aksesori	-	168 Orang
c.	Bengkel Baik Pulih Kenderaan	-	99 Orang
d.	Peruncitan	-	94 Orang
e.	Gerai Burger	-	90 Orang

Bagi tahun 2009, peruntukan program tersebut telah meningkat kepada RM3.1 juta dengan jumlah bantuan meningkat kepada RM 3000.00 seorang. Usaha sedang dibuat untuk menambah peruntukan bagi program ini melalui Program Memperkasa Pembangunan Belia memandangkan sambutan program ini sangat menggalakkan.

ii. Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB)

Di samping bantuan peralatan perniagaan, pihak kementerian turut menyediakan pinjaman perniagaan kepada belia-belia yang berpotensi menerusi Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) dengan jumlah peruntukan RM 40 juta. Jumlah dana pinjaman yang boleh dipohon adalah berjumlah RM 5,000.00 sehingga RM 50,000.00. Bagi tahun 2008, pinjaman berjumlah RM 16,912,000.00 telah diluluskan kepada seramai 474 orang belia. Pinjaman tersebut dibahagikan kepada 2 kategori iaitu Skim Belia Niaga (SBN) dan Skim Belia Tani (SBT). Bagi Skim Belia Tani, seramai 287 orang belia yang mendapat pinjaman manakala bagi Skim Belia Tani seramai 187 orang. Antara projek perniagaan yang diceburi oleh pemimjam di bawah skim ini ialah:

a. Skim Belia Niaga

i.	Perkhidmatan	-	238 Orang
ii.	Pembuatan	-	14 Orang
iii.	Perniagaan ICT	-	29 Orang

b. Skim Belia Tani

i.	Penternakan	-	96 Orang
ii.	Tanaman	-	41 Orang
iii.	Makanan Tradisional	-	17 Orang

Secara umumnya Jumlah peminjam sentiasa meningkat dari semasa ke semasa memandangkan kelulusan pinjaman dibuat di peringkat negeri. Peminjam Skim ini sentiasa dipantau oleh Pegawai Belia dan Sukan Daerah serta Negeri.

Hasil pemantauan yang dilaksanakan oleh KBS menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negeri didapati bahawa peserta yang terlibat dengan program pembangunan usahawan ini telah menunjukkan prestasi yang memuaskan dalam projek-projek yang telah mereka laksanakan. Ada antara mereka telah berjaya mewujudkan peluang-peluang ekonomi dan pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Bagi membantu usahawan-usahawan ini terus berdaya maju, KBS turut melibatkan usahawan belia di bawah bimbingan kementerian ini dengan program-program promosi yang dianjurkan oleh kementerian dari semasa ke semasa.

Soalan NO: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN TONY PUA KIAM WEE (PETALING JAYA UTARA)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**16.03.2009**

Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah ia lebih wajar untuk Khazanah Nasional yang memiliki 63.9% syarikat PLUS, untuk membuat tawaran am untuk membeli ekuiti daripada pemilik minoriti supaya perjanjian PLUS dapat dirombak untuk mencapai persetujuan harga tol yang lebih munasabah dengan kos pembinaan dan penyelenggaraan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini sedang menjalankan kajian berhubung daya maju cadangan tersebut memandangkan ianya dijangka akan melibatkan kos yang besar. Sehubungan itu, hasil kajian tersebut akan dimaklumkan setelah ianya dimuktamadkan kelak.

SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]**
TARIKH	:	**16 MAC 2009**
RUJUKAN	:	**1597**

SOALAN:

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) jumlah permohonan yang diterima dan ditolak berhubungan permohonan warga asing untuk mendapat kelayakan penduduk tetap dan kewarganegaraan; dan

(b) berapakah yang diterima hingga setakat ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Telok Kemang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah **14,103** permohonan kewarganegaraan telah diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara dari tahun 2004 hingga 2008. Dalam tempoh yang sama, sebanyak **1,709** permohonan telah ditolak.

Bagi permohonan Permit Masuk untuk mendapatkan taraf Pemastautin Tetap, sejumlah **21,388** permohonan telah diterima dari tahun 2004 hingga 2008. Dalam tempoh yang sama, sebanyak **9,496** permohonan telah ditolak.

SIDANG DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN	**: LISAN**
Daripada	**: Y.B DATO' SERI DR. JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD JARJIS [ROMPIN]**
Tarikh	**: 16 Mac 2009**
Soalan	**: 24**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah Kementerian telah membuat perbincangan dengan pihak-pihak luar yang terbabit dengan program angkasawan seperti Rusia, Amerika, China dan/atau India, bagi penghantaran angkasawan kedua negara nanti. Adakah pihak Kementerian telah menghantar angkasawan kedua negara bagi menjalani latihan lanjutan kepakaran khusus bagi persediaan untuk ke angkasa lepas serta perkembangan kajian R&D yang telah dijalankan di angkasa lepas pada misi angkasawan yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak kementerian menerusi Agensi Angkasa Negara telah mengadakan perbincangan bersama pihak agensi angkasa Rusia, ROSCOSMOS berhubung isu penghantaran angkasawan kedua,

bagaimanapun perbincangan dengan pihak lain seperti Amerika, China mahu pun India masih dalam peringkat perancangan. Bagi penghantaran angkasawan kedua, kontrak pertukaran sementara Mejar Dr. Faiz Khaleed bersama ANGKASA/MOSTI akan disambung selama dua tahun lagi dan beliau akan dihantar untuk mengikuti program sarjana berkaitan Dentistry di *Military Medical Academy* di St. Petersburg, Russia. Program ini mempunyai kerjasama dan *attachment* dengan Pusat Latihan Cosmonaut di Star City, Moscow, dan juga mempunyai kaitan dengan program angkasa Russia. Kos bagi program ini boleh menggunakan Biasiswa Pembangunan Modal Insan (*HCD Scholar*) di bawah MOSTI. Program ini juga memberikan latihan yang diperlukan bagi MDFK menjadi seorang *mission specialist* yang membolehkan beliau diberikan peranan yang lebih besar di misi akan datang. Ini bersesuaian dengan perancangan misi Program Angkasawan Negara Kedua negara, iaitu tempuh di ISS yang lebih lama.

Tuan Yang Dipertua,

Seperti yang Ahli Dewan sedia maklum, ujikaji yang telah berjaya dilaksanakan oleh Angkasawan Negara semasa misi di ISS yang lepas meliputi kajian "Sel di Angkasa" (*Cell in Space),* "Mikrob di Angkasa" *(Microbes in Space),* "Protein di Angkasa" (*Protein in Space)* dan "Makanan di Angkasa" *(Food in Space)* serta beberapa ujian perubatan. Institusi tempatan yang terlibat di dalam kajian di atas ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan MARDI. Selain daripada

itu, angkasawan Negara juga turut menjalankan yang disediakan oleh *European Space Agency (ESA)* dan *Japan Space Exploration Agency (JAXA)*.

Satu bengkel telah diadakan pada 2-3 September 2008 yang lalu bagi memaklumkan hasil atau analisa awal. Dari analisa awal yang telah dilakukan, semua kajian saintifik yang dijalankan telah menunjukkan hasil yang amat memberangsangkan dan di samping itu juga, sekurang-kurangnya satu *technology spin-off* akan dikomersialkan.

Tuan Yang Dipertua,

Geran yang diperoleh oleh para saintis terlibat akan tamat pada Mac 2009, justeru itu, Kementerian akan menganjurkan satu lagi bengkel pada pertengahan 2009 bagi memberi peluang kepada para saintis untuk memaklumkan hasil keseluruhan uji kaji tersebut.

Memandangkan hasil uji kaji awal amat memberangsangkan, pihak Jepun melalui Japanese Aerospace Exploration Agency (JAXA) telah menawarkan kepada Malaysia untuk menjalin kerjasama dalam uji kaji *Protein Crystal Growth* (PCG) menggunakan modul KIBO yang telah dilancarkan ke ISS. Uji kaji PCG ini akan diterbangkan ke ISS melalui penerbangan pertamanya pada Julai 2009. JAXA telah menawarkan sebanyak 6 penerbangan kepada Malaysia bagi menerbangkan protein yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Kementerian telah mengenal pasti saintis yang berpotensi dan amat mengalu-alukan para saintis lain untuk terlibat sama.

Kesimpulannya, program angkasawan yang lalu bukan sahaja berjaya menghantar angkasawan negara ke ISS, tetapi turut menyumbang kepada perkembangan penyelidikan di Malaysia. Program sains mikrograviti tidak patut berakhir di sini, sebaliknya perlu diteruskan walaupun tanpa penghantaran angkasawan ke ISS.

SOALAN NO: 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.03.2009

YB Libaran minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat mana pelaksanaan yang telah dijalankan di bawah dana rangsangan ekonomi sebanyak RM7 bilion dalam memastikan kerancakan ekonomi negara berterusan.

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2009

YB Jelutong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana dana *Stimulus Package* sejumlah RM7 bilion yang diumumkan pada November 2008 telah dibiayai setakat ini, dan sila berikan butiran terperinci bagi pihak-pihak penerima dana tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh **YB Libaran** dan **YB Jelutong** yang masing-masing dijadualkan dijawab pada 16 dan 18 Mac 2009 kerana kedua-duanya menyentuh perkara yang sama iaitu mengenai pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama berjumlah RM7 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama bernilai RM7 bilion yang diumumkan oleh Kerajaan pada 4 November 2008 bertujuan untuk mengukuhkan lagi daya tahan negara dan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dalam menghadapi persekitaran global yang semakin mencabar.

3. Program dan projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama sebanyak RM7 bilion sedang giat dilaksanakan. Sehingga kini, RM6.5 bilion telah diagihkan kepada Kementerian dan agensi yang berkilatan. Daripada jumlah tersebut, 14,255 projek berjumlah RM1.584 bilion sedang dilaksanakan. Ini termasuk 6,621 projek di bawah Program Penyenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU),

2,118 projek oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 1,594 projek oleh Kementerian Pelajaran, 2,125 projek oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan 1,322 projek oleh Kementerian Kesihatan. Adalah dijangkakan menjelang bulan Jun 2009, jumlah keseluruhan kerja yang dapat ditawarkan serta dilaksanakan bagi memenuhi sasaran Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama ini bernilai RM5.2 bilion.

SOALAN NO: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA, MALAYSIA

DARIPADA : **DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**
(POKOK SENA)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **16.03.2009**

Dato' Haji Mahfuz bin Omar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah fungsi dan objektif Yayasan Pelaburan Bumiputera dan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera yang ditubuhkan Kerajaan dan nyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh kedua-dua yayasan ini semenjak ditubuhkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Yayasan Pelaburan Bumiputera ditubuhkan oleh Kerajaan sebagai badan penyelaras bagi aktiviti pelaburan untuk agensi kerajaan, syarikat dan individu Bumiputera bagi pemilikan ekuiti bumiputera sebanyak 30% dalam sektor korporat manakala Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera ditubuhkan bagi meningkatkan pegangan hartanah oleh Bumiputera terutamanya hartanah komersial yang bernilai tinggi yang terletak di lokasi strategik di bandar-bandar utama.

2: Dengan ini, penubuhan dua anak syarikat Yayasan Pelaburan Bumiputera iaitu Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Yayasan Amanah Hartanah

Bumiputera membuktikan kesanggupan Kerajaan untuk memperimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum dan mewujudkan keadilan sosial di negara ini. PUNB telah berjaya menyediakan peluang kepada usahawan Bumiputera mencapai kejayaan dalam perniagaan melalui sokongan kewangan dan korporat selaras dengan Dasar Pembangunan Negara untuk melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang dinamik, berdaya tahan dan progresif. Manakala, PNB telah berjaya mengembangkan nilai dana yang diuruskannya daripada hanya RM50 juta pada awal penubuhannya pada tahun 1978 kepada lebih RM100 bilion pada awal 2009. PNB dan unit-unit amanah di bawah pengurusannya kini mempunyai pelaburan dalam hampir 300 buah syarikat. Sejak pelancaran unit amanahnya pada tahun 1981, PNB dan dana-dana di bawah pengurusannya sehingga kini telah membuat pengagihan pendapatan berjumlah lebih RM66 bilion kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera melalui anak syarikat milik penuhnya, Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad (PHBB) telah melabur dalam beberapa buah bangunan pejabat di Lembah Klang dengan nilai pelaburan hampir RM500 juta dan juga sedang mengenal pasti beberapa lagi bangunan pejabat di lokasi-lokasi utama bagi menambahkan lagi portfolio hartanah PHBB.

4. PHBB juga mempunyai sejumlah 230 ekar tanah yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan di sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang antaranya projek pembangunan komersial seperti Penang Sentral dan Lot G, KL Sentral di Kuala Lumpur yang akan dimulakan pada tahun ini.

SOALAN NO : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN**
		[TANJONG MANIS]
TARIKH	:	**16 MAC 2009**
SOALAN	:	

Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah lagi hospital umum di Kuching di mana penduduknya lebih ramai dari Kota Bharu yang mempunyai dua buah hospital umum dengan satu ribu enam ratus katil sedangkan hospital umum Kuching hanya ada lapan ratus katil.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan menyedari kesesakan yang dihadapi di Hospital Umum, Kuching, Sarawak. Justeru itu, Kementerian ini merancang untuk mengadakan sebuah lagi Hospital baru di Kuching. Opsyen bagi pelaksanaan sedang diteliti dan Kementerian berharap hospital ini akan dapat beroperasi dalam pertengahan RMK 10. Bagi mengurangkan kesesakan yang berlaku pada masa ini, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pelbagai projek menaik taraf Hospital Umum yang sedia ada.

SOALAN NO: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.03.2009

Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan anggaran pengurangan pendapatan Petronas berikutan dengan penurunan harga minyak dunia bagi tahun 2007 dan 2008. Berapakah kurangnya pendapatan bagi Kerajaan akibat penurunan harga minyak dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tujuan laporan kewangan, PETRONAS mengguna pakai tahun kewangan berakhir 31 Mac di mana situasi kenaikan paras tertinggi dan penurunan secara mendadak harga minyak mentah dunia sebagaimana yang dimaksudkan dalam soalan Yang Berhormat berlaku dalam tahun kewangan yang sama dan tempohnya hanya akan berakhir pada 31 Mac 2009 ini. Untuk rekod, purata harga minyak mentah dunia bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 adalah USD82 setong dan bagi tempoh tersebut PETRONAS telah

mencatatkan pendapatan sebanyak RM223.1 bilion dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM95.5 bilion. Bagimanapun, memandangkan tahun kewangan PETRONAS semasa hanya akan berakhir pada 31 Mac 2009, kesan sebenar penurunan harga minyak mentah dunia ke atas pendapatan PETRONAS tidak dapat dinyatakan buat masa ini.

2. Mengenai jumlah pendapatan negara pada tahun 2009, ianya dijangka tidak terjejas teruk ekoran penurunan harga petroleum kerana cukai pendapatan petroleum dikira berdasarkan kaedah tahun sebelumnya. Purata harga minyak sehingga bulan Disember 2008 adalah sebanyak USD104 setong berbanding anggaran asal bagi tahun 2008 sebanyak USD125 setong.

SOALAN NO: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAI HAMZAH

TARIKH: 16 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAI HAMZAH [Jasin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan tabung serta agensi kita yang ditubuhkan bagi membantu pekerja-pekerja dari negara kita yang diberhentikan kerja di negara Singapura.

PR-1221-L16897

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian saya telah mengambil inisiatif terhadap cadangan penubuhan Tabung Pemberhentian Kerja (Skim *Relief Fund For Loss of Employment).* Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan beberapa siri mesyuarat secara tripartite mengenai isu ini dan banyak cadangan telah diambil kira. Sehubungan itu PERKESO telah meminta *International Labour Organization (ILO)* membuat kajian mendalam untuk disiapkan sebelum Jun 2009 bagi dipertimbangkan kesesuaian pelaksanaan di negara ini.

Tuan Yang Di Pertua,

KSM tidak mempunyai data mengenai pemberhentian pekerja Malaysia di Singapore. Walau bagaimanapun, menerusi laporan yang diterima daripada Attache Buruh Singapura, bagi tempoh 1 Januari 2009 hingga 6 Mac 2009, hanya 3 orang rakyat Malaysia yang diberhentikan kerja telah di laporkan kepada Attache Buruh di Singapore.

Dalam menangani isu pemberhentian pekerja, KSM telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

(a) KSM telah membuat hebahan supaya pekerja-pekerja Malaysia di Singapore yang diberhentikan datang ke pejabat JTK di Johor Bharu, Segamat, Batu Pahat, Kluang dan Muar. Jika tidak dapat hadir di pejabat tersebut, mereka boleh mendaftar di ILP Pasir Gudang, Mersing, Muar dan ADTEC Batu Pahat. Mereka juga boleh mendaftar melalui JobsMalaysia.

(b) Melakasanakan program *"train and place"* pekerja yang diberhentikan termasuk mereka daripada Singapura, walau bagaimanapun mereka perlu terlebih dahulu berdaftar dengan ***JobsMalaysia*** atau mana-mana **pejabat Jabatan Tenaga Kerja** (JTK). Melalui perkhidmatan ini, permohonan pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat mengikut kesesuaian kelayakan akademik dan pengalaman kerja; dan

(c) Kementerian juga menganjurkan **Karnival Pekerjaan di setiap negeri 2 minggu sekali** bagi menemukan pencari kerja dan majikan secara langsung.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
TARIKH : 16 MAC 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO.30

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan merujuk kepada surat khabar baru-baru ini, universiti-universiti awam di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak kurang popular dan kurang mendapat sambutan dari masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka ke sana. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku dan apakah langkah Kerajaan menanganinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai persepsi seperti jauh dari kampung asal, kurang kemudahan asas, kurang maklumat asas mengenai IPTA baru dan sebagainya mungkin merupakan faktor yang menyebabkan IPTA di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak kurang popular dan kurang mendapat sambutan dari masyarakat. Pada sesi akademik 2008/2009 sejumlah 12,532 pelajar daripada 67,143 pelajar iaitu 19 peratus pelajar, telah memilih program yang ditawarkan oleh universiti awam di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak sebagai pilihan pertama mereka.

Bagi menangani perkara ini, Kementerian telah menganjurkan Program Karnival Pengajian Tinggi Negara atau 'Jom Masuk U' bagi mendedahkan peluang pendidikan tinggi bagi Lepasan SPM, STPM dan setaraf. Melalui program ini maklumat terkini mengenai IPTA dan kursus pengajian yang ditawarkan oleh mereka serta program pengajian baru dalam pelbagai bidang seperti Kejuruteraan, ICT, Teknologi, Bioteknologi, Aeroangkasa, Sains Asas dan Sains Gunaan juga diberi penekanan bagi memperluaskan lagi program pengajian untuk pilihan pelajar.

Selain Program Karnival pengajian Tinggi Negara, Kementerian juga telah menerima kunjungan pelajar, orang awam serta pertubuhan NGO untuk mendapatkan maklumat mengenai permohonan kemasukan pelajar. Di samping itu, beberapa siri ceramah diadakan di semua Kolej Matrikulasi, Jabatan Pelajaran Negeri dan sebagainya untuk membuat hebahan dan memberi penjelasan tentang perkara ini.

Melalui program-program tersebut, para pelajar dan masyarakat akan mendapat maklumat yang tepat mengenai IPTA dan program yang ditawarkan mereka serta peluang-peluang untuk melanjutkan pengajian. Semua IPTA memberi peluang pendidikan yang sama dan jika terdapat perbezaan ianya berkaitan dari segi lokasi dan tumpuan kepada satu-satu program tertentu mengikut klaster yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

SOALAN NO: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH]**
TARIKH	:	**16 MAC 2009**
RUJUKAN	:	**1598**

SOALAN:

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Kementerian boleh memastikan bahawa pekerja asing yang dibuang kerja akan dihantar balik ke negara asal mereka supaya mereka tidak akan mengakibatkan masalah sosial di Malaysia.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 16.3.2009

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Alor Gajah di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini dan Kementerian Sumber Manusia telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama Antara Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja di peringkat Negeri seluruh Malaysia. Tujuan utama Jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk memastikan semua pekerja asing yang dibuang kerja akan dihantar pulang ke negara asal masing-masing bagi mengelakkan mereka berkeliaran di dalam negara dan berisiko untuk menimbulkan masalah sosial atau jenayah.

Melalui Jawatankuasa ini, Jabatan Tenaga Kerja Negeri akan memaklumkan kepada Jabatan Imigresen Negeri sekiranya terdapat majikan yang ingin menutup perniagaan atau mengecilkan saiz operasi mereka khususnya jika ia melibatkan pemberhentian pekerja asing. Penyelarasan antara kedua Jabatan ini adalah amat penting dalam usaha memastikan kekosongan jawatan sedia ada dapat ditawarkan kepada pekerja tempatan manakala pekerja asing yang diberhentikan pula dihantar pulang ke negara asal mengikut proses dan prosedur yang telah ditetapkan.

SOALAN NO: 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

[SEREMBAN]

TARIKH : 16 MAC 2009

SOALAN:

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN ADAKAH KEMENTERIAN SEDANG MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN UNTUK MENGATASI MASALAH KESESAKAN LALU LINTAS DI KAWASAN SEREMBAN DAN SEKIRANYA ADA, APAKAH TINDAKAN-TINDAKAN TERSEBUT.

JAWAPAN:

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, PADA DASARNYA TINDAKAN UNTUK MENGATASI KESESAKAN LALU LINTAS DALAM BANDAR ADALAH TANGGUNGJAWAB PIHAK MAJLIS PERBANDARAN DAN KERAJAAN NEGERI BAGI JALAN-JALAN NEGERI. NAMUN PIHAK KEMENTERIAN KERJA RAYA BERSEDIA UNTUK BEKERJASAMA DENGAN PIHAK BERKENAAN TERUTAMA JIKA MELIBATKAN LALUAN PERSEKUTUAN.

PADA TAHUN 1996, KEMENTERIAN KERJA RAYA TELAHPUN MENJALANKAN SATU KAJIAN PENGANGKUTAN BANDAR SEREMBAN YANG KOMPREHENSIF BAGI MENANGANI MASALAH KESESAKAN LALU LINTAS TERSEBUT. KAJIAN INI TELAH MEMBUAT RUMUSAN DAN CADANGAN PELAN-PELAN TINDAKAN UNTUK DILAKSANAKAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT.

PELAN TINDAKAN YANG DICADANGKAN UNTUK TINDAKAN SEGERA OLEH PIHAK MAJLIS PERBANDARAN SELEPAS KAJIAN DIJALANKAN BAGI TEMPOH 1997 – 1998 ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. MEMPERBAIKI PERSIMPANGAN-PERSIMPANGAN JALAN
2. MENYELARASKAN SISTEM LAMPU TRAFIK
3. MENYEDIAKAN TEMPAT LETAK KERETA YANG SESUAI
4. MENYEDIAKAN PELAN ALIRAN LALU LINTAS YANG BERKESAN
5. PENGURUSAN PENGANGKUTAN AWAM YANG LEBIH SISTEMATIK
6. MENYEDIAKAN PAPAN TANDA ARAH TUNJUK JALAN YANG LEBIH KOMPREHENSIF
7. MENYEDIAKAN KAWASAN LALUAN PEJALAN KAKI YANG LEBIH SELAMAT

DISAMPING ITU JALAN-JALAN DI DALAM BANDAR JUGA PERLU DINAIKTARAF AGAR MENJADI LEBIH SISTEMATIK DENGAN RANGKAIAN JALAN LINGKARAN.

RANGKAIAN JALAN LINGKARAN YANG TELAH SIAP, DALAM PEMBINAAN DAN DALAM PERANCANGAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

i. LINGKARAN TENGAH SEREMBAN FASA I – DARI RASAH KE BUKIT GAN, TUANKU ANTAH KE MUDA-LINGGI, MUDA LINGGI KE SIAMANG GAGAP DAN SIAMANG GAGAP KE ISTANA. PROJEK TELAH SIAP PADA 9 NOVEMBER 2006 DENGAN KOS RM207 JUTA.

ii. LINGKARAN TENGAH SEREMBAN FASA 2 – DARI JALAN SUNGAI UJONG MELALUI KEMAYAN SQUARE, TAMAN PERMAI, BUKIT CHEDANG, PERSIMPANGAN RASAH HINGGA KE JALAN TUANKU ANTAH. PROJEK INI DALAM PEMBINAAN DAN DIJADUALKAN SIAP PADA MEI 2009 DENGAN KOS RM 277 JUTA.

iii. LINGKARAN TENGAH SEREMBAN FASA 2A (DALAM PROSES RUNDINGAN HARGA) – PERSIMPANGAN PERMAI, JAMBATAN MB2B, JAMBATAN MB6 MELINTASI JALAN TUANKU ANTAH.

iv. LINGKARAN TENGAH SEREMBAN FASA 2B (DALAM PERANCANGAN) – MELIBATKAN PERSIMPANGAN-PERSIMPANGAN DI BUKIT CHEDANG, SIAMANG GAGAP, SIKAMAT DAN HOSPITAL.

v. LINGKARAN TENGAH SEREMBAN FASA 3 (DALAM PERANCANGAN) – DARI PERSIMPANGAN SUNGAI UJONG HINGGA KE PERSIMPANGAN SIAMANG GAGAP MELALUI PERSIMPANGAN GALA, JALAN MANTIN DAN JALAN TEMIANG.

RANGKAIAN JALAN LINGKARAN INI DILAKSANA BERPERINGKAT-PERINGKAT KERANA MELIBATKAN KOS YANG TINGGI DAN MASIH BELUM SIAP SEPENUHNYA SEPERTI YANG DIRANCANGKAN.

PELAN TINDAKAN JANGKA PANJANG YANG DICADANGKAN BAGI PENYURAIAN TRAFIK DALAM BANDAR MELIBATKAN TIGA LALUAN PERSEKUTUAN

YANG PERLU DINAIKTARAF DAN TELAHPUN DILAKSANAKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. LALUAN 86, SEREMBAN KE KUALA KLAWANG
   - DARI SIMPANG LENGGENG KE KUALA KLAWANG, PANJANG JALAN 18 KM DAN TELAH SIAP PADA 2005

2. LALUAN 53, SEREMBAN KE PORT DICKSON
   - JALAN RASAH SEPANJANG 3 KM DARI BUKIT RASAH HINGGA TOL PORT DICKSON TELAH SIAP PADA 2006

3. LALUAN 51, SEREMBAN KE KUALA PILAH
   FASA 1 – DARI SIMPANG SENAWANG KE BUKIT PUTUS PANJANG JALAN 9 KM, DALAM PEMBINAAN (85%) DIJADUALKAN SIAP PADA SEPT 2009

   FASA 2 – DARI BUKIT PUTUS KE TANJUNG IPOH, PANJANG JALAN 12 KM, MASIH DALAM PERINGKAT REKABENTUK DAN DIJANGKA AKAN DITENDER PADA JUN 2009.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN (PONTIAN)**

TARIKH : **16.03.2009**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan sinopsis dan kesan Anugerah Desa Cemerlang di seluruh negara dan mencadangkan agar anugerah khas diberi kepada keluarga cemerlang khasnya dalam pendidikan dan usahawan sebagai satu komponen untuk anugerah desa cemerlang dan nyatakan penambahbaikan anugerah tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang dipertua,

Pertandingan Anugerah Desa Cemerlang telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) pada tahun 1987 (RMKe-6) dengan namanya ketika itu Pertandingan Kebersihan, Keindahan dan Kemajuan Kampung (PKKK). Pertandingan ini kemudiannya dikenali sebagai Pertandingan Desa Cemerlang (PDC) pada tahun 2000 yang memberi tumpuan kepada aspek-aspek pembangunan manusia. Bermula tahun 2005, PDC diberi nama baru iaitu **Anugerah Desa Cemerlang (ADC)**. Antara aspek-aspek yang dinilai ialah kepimpinan, pendidikan, ekonomi, kebersihan dan kesihatan serta kerohanian dan sivik.

Tujuan pertandingan ini adalah bagi mencetus semangat bersaing dan semangat ingin maju di kalangan penduduk tanpa bergantung pada Kerajaan dalam melaksanakan projek di kampung masing-masing. Program ini juga dilihat sebagai langkah yang berkesan bagi mencapai matlamat Kerajaan untuk mewujudkan kampung yang maju, menarik dan menguntungkan serta membentuk masyarakat luar bandar yang bersikap positif dan berminda kelas pertama.

KKLW mengambil maklum dan akan mempertimbangkan cadangan mewujudkan anugerah khas kepada keluarga cemerlang khususnya dalam pendidikan dan usahawan di dalam pertandingan ADC yang akan datang. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah melakukan pelbagai penambahbaikan terhadap program ADC ini dan antaranya pada tahun 2008 yang lepas, pertandingan Anugerah Desa Gemilang (ADG) telah dilaksanakan. Pertandingan ADG ini disertai oleh kampung-kampung yang pernah menjadi johan ADC Peringkat Kebangsaan yang lalu. Pertandingan ini diwujudkan adalah bagi memberi pengiktirafan dan galakan kepada kepimpinan kampung atas kejayaan yang dicapai dan seterusnya boleh dijadikan *"role model"* kepada kampung-kampung lain.

SOALAN NO: 34

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 16 MAC 2009

RUJUKAN : 1599

SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab pelacuran masih tidak dijadikan satu kesalahan jenayah memandangkan hakikat ianya mendatangkan kesan sosial yang negatif dan ianya juga mencemarkan nama baik negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pelacuran atau persundalan merupakan satu kesalahan jenayah seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 372, seksyen 372A, seksyen 372B dan seksyen 373 Kanun Keseksaan. Ketiga-tiga seksyen yang dinyatakan ini adalah terpakai bagi kesalahan-kesalahan berhubung aktiviti pelacuran bukan sahaja kepada penganjur, malahan mana-mana pihak yang terlibat dari segi menjayakan aktiviti pelacuran malahan kepada pelacur sendiri.

Tuan Yang Dipertua,

Seksyen 372 (3) Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

"Dalam seksyen ini dan seksyen 372A dan seksyen 372B, "persundalan" atau dengan izin, "prostitution" bermaksud tindakan seseorang yang menawarkan tubuh badan orang itu bagi pemuasan nafsu untuk disewakan sama ada melalui wang atau sepertinya; dan "sundal" atau dengan izin "prostitute" hendaklah diertikan serupa".

Seksyen 372B Akta yang sama dengan secara jelas memperuntukkan bahawa barangsiapa yang mencari langganan atau mendesak bagi maksud persundalan atau mana-mana perbuatan lucah pada mana-mana tempat hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau denda, atau dengan kedua-duanya. Berdasarkan kepada seksyen-seksyen yang saya nyatakan itu, maka adalah jelas bahawa perbuatan melacur atau sundal merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang negara, dan bukan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Yang Dipertua,

Meskipun begitu, pada kebiasaannya, sekiranya pelacur-pelacur yang ditahan merupakan warganegara asing, maka mereka akan didakwa di bawah undang-undang Imigresen atas kesalahan seperti tiada dokumen perjalanan yang sah [sekyen 6(1)(c) Akta Imigresen tahun 1959/63 (Semakan 1975) atau menyalahgunakan pas atau visa lawatan. Manakala, bagi mereka yang beragama Islam, dakwaan akan dibuat berdasarkan kepada Enakmen Undang-Undang Syariah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, siasatan ke atas kes-kes yang melibatkan pelacuran atau persundalan memerlukan bukti-bukti yang kukuh. Kesukaran timbul di mana tiada saksi yang mahu tampil kedepan bagi memberi keterangan di mahkamah berhubung jenayah ini oleh kerana ia bukan sahaja melibatkan maruah pelaku, malahan

maruah keluarga akan turut tercemar. Oleh yang demikian, adalah amat sukar untuk mendakwa mereka yang terlibat dalam aktiviti melacurkan diri di bawah seksyen 372B Kanun Keseksaan, oleh kerana ketiadaan saksi yang diperlukan bagi membuktikan kes di Mahkamah.

SOALAN NO. 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN**
KAWASAN	:	**KINABATANGAN**
TARIKH	:	**16.03.2009 (ISNIN)**

Y.B. DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

(a) polisi serta dasar Kerajaan dalam pemberian "Approved Permit (AP)" kenderaan terutamanya di negeri Sabah; dan

(b) jumlah AP yang dikeluarkan oleh Kerajaan sehingga hari ini terutamanya di negeri Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Lesen Import (AP) bagi kenderaan dikategorikan kepada dua iaitu AP Terbuka dan AP Francais.

Syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka dibenarkan untuk mengimport kenderaan baru dan terpakai bagi semua jenama kecuali kenderaan-kenderaan baru bagi jenama yang dikenakan sekatan import. Kelulusan

peruntukan AP Terbuka adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, antaranya:

(i) Syarikat hendaklah berstatus Bumiputera yang memenuhi kriteria berikut:

- saham-saham syarikat dimiliki 100 peratus oleh Bumiputera; dan
- Ahli Lembaga Pengarah hendaklah mencerminkan ekuiti syarikat.

(ii) Perniagaan (pengimportan/penjualan) hendaklah dijalankan oleh syarikat pemegang AP sendiri; dan

(iii) Syarikat hendaklah menyedia dan mengekalkan kemudahan ruang pejabat dan bilik pameran yang sesuai.

Bagi pemegang AP Francais pula, syarikat hanya dibenarkan mengimport kenderaan baru bagi jenama tertentu bergantung kepada perjanjian francais eksklusif dengan syarikat prinsipal di luar negara. Kelulusan peruntukan AP Francais adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, antaranya:

(i) pegangan ekuiti syarikat hendaklah sekurang-kurangnya 70 peratus oleh Bumiputera;

(ii) mempunyai Perjanjian Francais Eksklusif yang sah di antara pengimport dan prinsipal;

(iii) pengimportan dibuat secara terus dari syarikat prinsipal; dan

(iv) hanya model yang belum dipasang di Malaysia dibenarkan diimport.

Dasar semasa menetapkan bahawa peruntukan AP Terbuka kepada syarikat baru telah dibekukan sejak tahun 1988 dan kelulusan AP Francais bagi jenama baru dibekukan mulai tahun 2006. Hanya pengambilalihan hak francais sedia ada sahaja dibenarkan.

Tuan yang Di Pertua,

Jumlah keseluruhan pemegang AP Terbuka adalah sebanyak 98 syarikat dan AP Francais sebanyak 21 syarikat. Daripada jumlah ini, 12 syarikat di negeri Sabah telah diperuntukkan AP Terbuka. Sabah tidak mempunyai syarikat pemegang AP Francais.

Pada tahun 2004, jumlah AP yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka dan AP Francais ialah sebanyak 51,559 unit. Pada tahun 2005, sebanyak 57,083 unit telah dikeluarkan, manakala sebanyak 38,410 unit telah dikeluarkan pada tahun 2006 dan pada tahun 2007 sebanyak 27,312 unit. Bagi tahun 2008, jumlah AP yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 40,886 unit.

Jumlah peruntukan AP Terbuka dan AP Francais yang dikeluarkan mengikut pecahan kawasan iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi tempoh 2004 hingga 2008 adalah seperti berikut:

TAHUN	SEMENANJUNG		SABAH	SARAWAK
	AP Terbuka	AP Francais	AP Terbuka	AP Terbuka
2004	9,826	36,676	1,535	3,522
2005	11,265	39,701	1,842	4,275
2006	11,254	21,043	1,842	4,271
2007	12,438	8,153	2,041	4,680
2008	18,349	11,452	3,128	7,957
Jumlah	63,132	117,025	10,388	24,705

****

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	:	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	:	Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
Tarikh Menjawab	:	16 Mac 2009 [Isnin]
Soalan	:	[No. ~~61~~] 36

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi membantu pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit di atas penurunan harga komoditi tersebut ketika ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9), Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM48.5 juta untuk Program Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Sawit. Bantuan-bantuan yang disediakan di bawah Program ini adalah seperti berikut:

i. Bantuan anak benih sawit berkualiti dan baja untuk tempoh 1 hingga 2 tahun selepas penanaman sawit;
ii. Bantuan integrasi ternakan lembu dan kambing dengan sawit; dan
iii. Bantuan integrasi tanaman dengan sawit.

Bantuan-bantuan tersebut dijangka akan menjana pendapatan tambahan pekebun kecil selain dari hasil sawit terutamanya dalam keadaan harga sawit yang rendah sekarang.

Selain dari bantuan yang disalurkan di bawah RMK-9, beberapa langkah lain yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil bebas adalah seperti berikut:

i. Melaksanakan Program Kelompok Baja Terselia;
ii. Menubuhkan Kelab 30 tan;
iii. Menyediakan kemudahan pusat-pusat latihan untuk pekebun kecil sawit seperti Pusat Latihan Sumber Manusia (PLASMA) di Lahad Datu dan PULAPES di Keratong, Pahang;

iv. Menganjurkan persidangan dan seminar untuk pekebun kecil sebagai *platform* untuk berinteraksi dan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekebun kecil;

v. Menganjurkan kursus-kursus berkaitan penanaman dan penyelenggaraan sawit;

vi. Melaksanakan demo plot sebagai kebun contoh kepada pekebun kecil;

vii. Penerbitan bahan-bahan cetakan untuk rujukan; dan

viii. Penubuhan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan di MPOB yang membolehkan pekebun kecil mendapat khidmat nasihat yang lebih berkesan dan menyeluruh ke arah meningkatkan produktiviti sawit.

Dengan pelaksanaan program-program seperti yang dimaklumkan, ia dijangka akan dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM50.13 juta untuk membantu pekebun kecil menanam semula pokok kelapa sawit yang berusia melebihi 25 tahun. Peruntukan ini akan disalurkan untuk membiayai penanaman semula pokok sawit merangkumi pembelian anak benih, baja dan penyediaan tapak. Melalui pelaksanaan program ini, seluas 8,355 hektar kawasan perladangan pekebun kecil akan dapat ditanam semula. Langkah ini dalam jangka masa panjang akan dapat meningkatkan produktiviti serta pendapatan sektor pekebun kecil sawit.

SOALAN NO : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan	:	**LISAN**
Daripada	:	**DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS]**
Tarikh	:	**ISNIN, 16 MAC 2009**

SOALAN

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sejauh mana Radio Televisyen Malaysia (RTM) bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau universiti tempatan bagi mendidik penyampai dan penulis skrip berita dan siaran langsung agar RTM menjadi penanda aras kepada standard penyiaran di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Lipis atas soalan yang dikemukakan. RTM turut menganggotai Jawatankuasa Penyelarasan Penyeragaman Bahasa dalam Media Penyiaran yang juga dianggotai oleh stesen-stesen swasta dan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). RTM juga mempunyai beberapa orang pegawai sebagai Munsyi Bahasa yang dilantik oleh DBP sebagai pembimbing dan perujuk standard bahasa, selain sentiasa memastikan para penyiar RTM menyertai

kursus-kursus bahasa anjuran DBP dari semasa ke semasa. RTM juga mempunyai Jawatankuasa Sebutan dan Istilah yang bertujuan membimbing dan memantau penulisan dan sebutan penyampai, penulis skrip serta penerbit-penerbit RTM.

SOALAN NO. (38)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)

TARIKH : 16 MAC 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

(a) apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah pejalan kaki ke Bandaraya Johor Bahru Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bangunan Sultan Iskandar; dan

(b) apakah langkah-langkah untuk membantu peniaga-peniaga khasnya di Bandaraya Johor Bahru akibat Pembangunan Kompleks.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah pejalan kaki di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) ke Bandaraya Johor Bahru, Syarikat bas Causeway Link dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru telahpun menyediakan perkhidmatan bas *shuttle* antara pusat bandaraya dan BSI.

Dalam menyediakan perkhidmatan bas ini, perhatian akan diberi kepada perkhidmatan bas yang mencukupi terutama sekali pada waktu puncak bagi memastikan perjalanan penumpang tidak terganggu.

Selain itu, kekerapan perkhidmatan bas dari BSI ke KIK Woodlands dan sebaliknya juga ditambah untuk mengurangkan kesesakan berlaku pada waktu puncak.

Sebagai langkah untuk membantu peniaga-peniaga kecil, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan pekeliling bertarikh 30 Jun 2008 kepada semua Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhubung langkah-langkah untuk menambahbaik proses pengeluaran lesen dan permit perniagaan kecil.

Antara langkah-langkah yang perlu diambil oleh PBT bagi melaksanakan pekeliling ini adalah mempercepat dan mempermudahkan urusan pengeluaran permit perniagaan kecil, memberikan kelonggaran kepada syarat-syarat sedia ada, kelulusan diberi serta merta dan mengecualikan bayaran fi proses.

Selain itu, bagi lain-lain kategori perniagaan, iaitu yang tidak berisiko tinggi, KPKT juga telah mengeluarkan pekeliling bertarikh 30 Mei 2008 berhubung penambahbaikan pengeluaran lesen perniagaan di mana peniaga boleh terus memulakan perniagaan sebaik sahaja membuat permohonan lesen dan akuan penerimaan permohonan lesen perniagaan

dikeluarkan oleh PBT. Sebelum ini, peniaga hanya boleh memulakan perniagaan mereka selepas lesen mereka diluluskan oleh PBT.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

Soalan No : 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)**

TARIKH : **16.03.2009**

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah sekolah rendah dan menengah yang masih belum mempunyai bekalan elektrik dan air bersih di Sabah dan Sarawak dan sejauh manakah keberkesanan penggunaan ICT di sekolah -sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam tempoh RMKe-9, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membekalkan set janakuasa elektrik yang menggunakan minyak diesel dan penyambungan bekalan elektrik awam dengan kerjasama *Sarawak Electricity Supply Corporation* (SESCO) kepada 429 buah sekolah di negeri Sarawak. Bagi negeri Sabah pula, KPM telah melaksanakan 78 projek solar hibrid bagi sekolah-sekolah di kawasan luar bandar. Sehingga 28 Februari 2009, semua sekolah rendah dan menengah di Sabah dan Sarawak menerima bekalan elektrik sama ada melalui talian grid, set janakuasa atau kaedah solar hibrid.

Berhubung dengan bekalan air bersih, bagi negeri Sarawak, kesemua 541 buah sekolah di kawasan luar bandar telah dibekalkan dengan bekalan air bersih. Projek pembekalan air bersih ini telah dimulakan dalam RMKe-8 dan kini dalam status penyelengaraan. Untuk negeri Sabah pula, sebanyak 513 projek bekalan

air bersih telah dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai sumber. Daripada jumlah tersebut sebanyak 104 buah sekolah menggunakan sumber daripada telaga tiub, 200 buah sekolah menggunakan tadahan air hujan, 175 buah sekolah menggunakan sistem paip graviti, dan 34 buah sekolah menggunakan sistem retikulasi air awam.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membolehkan semua sekolah di Malaysia mempunyai infrastruktur ICT yang sempurna. Penggunaan ICT amat ditegaskan di sekolah bagi memastikan murid mempunyai kemahiran selaras dengan keperluan modal insan abad 21 dan mampu bersaing di peringkat global.

KPM telah menyediakan satu sistem pemantauan secara online yang memberi fokus kepada enam inisiatif ICT iaitu:

i) Makmal komputer
ii) Pusat Akses
iii) Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI)
iv) Rangkaian SchoolNet
v) Rancangan TV Pendidikan
vi) Perisian Kursus (Courseware)

Kajian Penggunaan Inisiatif ICT yang dijalankan di lima buah negeri iaitu Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Terengganu dan Sabah menunjukkan tahap penggunaan ICT dan penggunaan perisian kursus pendidikan di sekolah bandar dan luar bandar adalah pada tahap yang memuaskan. Kajian turut mendapati makmal komputer digunakan dengan baik terutama untuk mata pelajaran Literasi ICT dan mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Selain daripada itu, KPM turut membangunkan Pusat Akses di sekolah-sekolah bagi membantu pelajar membuat tugasan, mendapatkan maklumat daripada internet, melaksanakan pembelajaran

kolaboratif dan menggunakan e-mel. Sehingga 15 Februari 2009, rangkaian SchoolNet telah selesai disambungkan di **9,691 daripada 9,884 (98.04%)** sekolah/institusi di bawah KPM. Prasarana Schoolnet membolehkan KPM menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran tanpa sempadan. Program ini mampu merapatkan jurang digital di antara murid-murid sekolah di bandar dan luar bandar, memoden dan mempertingkat keberkesanan sistem pendidikan negara dan mewujudkan suasana pendidikan yang interaktif.

Namun, pemantauan dan galakan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan penggunaan ICT. Latihan yang berterusan di samping perkhidmatan infrustruktur yang baik dengan penyelenggaraan sistem dan peralatan ICT secara cekap dapat membantu meningkatkan penggunaan ICT di sekolah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. P RAMASAMY A/L PALANISAMY
TARIKH : 16 MAC 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO. 40

Dr. P Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kriteria-kriteria yang membolehkan Universiti Sains Malaysia dipilih sebagai Universiti Apex dan menjelaskan kelebihan Universiti Sains Malaysia berbanding universiti-universiti awam lain sehingga terpilih sebagai Universiti Apex.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Accelerated Program For Excellence* atau singkatannya APEX, diwujudkan bagi meningkatkan keupayaan dan kecemerlangan institusi pengajian tinggi Malaysia supaya setanding dengan universiti terkemuka dunia.

Proses penilaian sesebuah institusi untuk mengikuti program APEX dijalankan secara objektif, progresif dan bersandarkan kemampuan masa depan sesebuah institusi tersebut. Tiga kriteria asas iaitu tahap kesediaan, pelan transformasi dan kesediaan untuk berubah

telah digunakan untuk menilai sesebuah institusi dari sudut kuantitatif dan kualitatif. Universiti Sains Malaysia (USM) telah meyakinkan Jawatankuasa Pemilihan untuk dipilih bagi mengikuti program APEX di antara 4 buah universiti yang telah di senarai pendek iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putera Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM),

Pemilihan USM adalah berasaskan kepada:-

i. USM mempunyai pelan transformasi dan strategi yang jelas serta mantap yang melibatkan hampir keseluruhan warga universiti dan diterajui oleh Naib Canselornya, serta terdapat juga tanda-tanda berlakunya perubahan paradigma dan budaya cemerlang di institusi tersebut.

ii. USM juga mempunyai strategi pengurusan perubahan yang kukuh dan berterusan malah telah memulakan visi dan transformasinya sejak tahun 2001 lagi.

iii. Kesediaan untuk berubah, inovatif dan mempunyai objektif yang seiring dengan pembangunan lestari dunia juga adalah di antara ciri-ciri yang terserlah pada USM.

SOALAN NO. 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM**
KAWASAN	:	**ARAU**
TARIKH	:	**16.03.2009 (ISNIN)**

Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM (ARAU) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah keberkesanan pejabat-pejabat MIDA di luar negara seperti contohnya San Jose-Silicon Valley Amerika Syarikat dalam usaha kita mencari strategi baru dan cara-cara membawa masuk pelaburan untuk mempercepatkan perkembangan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

MIDA merupakan agensi utama kerajaan bagi menggalakkan dan menyelaras pembangunan sektor perkilangan dan perkhidmatan. Antara fungsi utama MIDA ialah menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan penggalakan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan (kecuali sektor utiliti dan kewangan) di dalam dan di luar negara.

Bagi menarik pelaburan asing ke dalam negara, MIDA telah menubuhkan 19 buah pejabat di luar negara. Peranan utama pejabat MIDA di luar negara adalah untuk :

- menggalak dan menarik pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan;

- menggalakkan pelaburan oleh syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi dan berkemampuan untuk melabur di luar negara atau *cross border investment* dengan izin;

- melaksanakan aktiviti penyelarasan, pembangunan dan penggalakan bagi sektor perkhidmatan Malaysia; dan

- mewakili agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti *Multimedia Development Corporation* (MdeC), Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA), dan Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) bagi menggalak dan menarik pelaburan dalam sektor-sektor ICT, Sektor Kewangan Perbadanan Pantai dan Bioteknologi.

Tuan Yang DI Pertua,

Di samping pergantungan ke atas permintaan tempatan di dalam menjana perkembangan ekonomi, negara juga memerlukan kemasukan

FDI. Justeru, bagi memastikan peningkatan pengaliran masuk FDI dan memastikan daya saing negara yang kompetitif, pengwujudan dan peranan pejabat-pejabat MIDA di luar negara amat signifikan dan relevan. Ianya diterjemahkan melalui strategi-strategi promosi yang dilaksanakan seperti :

i. menganjur dan menyelaras lawatan misi galakan pelaburan ke luar negara dan sebaliknya;

ii. mengadakan pertemuan/perbincangan dengan bakal pelabur dan kumpulan / badan industri yang berkaitan bagi tujuan penggalakan pelaburan;

iii. menjalinkan hubungan yang baik dengan Persatuan Perniagaan / pelabur, usahawan, bank dan media-massa bagi tujuan penggalakan pelaburan;

iv. mengatur dan menyelaras seminar pelaburan, mini seminar dan dialog di luar negara;

v. mengenalpasti syarikat-syarikat baru di luar negara yang berpotensi dan seterusnya melawat syarikat-syarikat tersebut serta membuat tindakan susulan supaya melabur di Malaysia;

vi. memantau perkembangan, trend pelaburan, strategi dan program penggalakan pelaburan bagi wilayah di bawah seliaan

dengan lebih efektif dan terperinci bagi membantu negara menggubal strategi dan program penggalakan pelaburan yang sesuai demi memastikan tahap daya saing negara yang tinggi; dan

vii. mengenalpasti syarikat / pelabur di luar negara yang ingin menubuhkan projek perkilangan secara usahasama dengan syarikat / pengusaha tempatan Malaysia atau sebaliknya.

Menerusi peranan pejabat-pejabat MIDA di luar negara tersebut, MIDA sentiasa memberi tumpuan kepada "*niche industries*", dengan izin di mana Malaysia mempunyai "*Competitive advantage*", dengan izin. MIDA berusaha menarik pelaburan berkualiti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, berteknologi tinggi dan strategik, berintensifkan modal, pengetahuan dan R&D serta mempunyai rantaian industri yang meluas. Pelaburan dalam projek-projek yang berkualiti ini merupakan dana pelaburan jangka panjang oleh pelabur asing yang tidak mudah beralih keluar.

Tuan Yang Di Pertua,

Keberkesanan peranan pejabat-pejabat MIDA di luar negara juga banyak dipengaruhi oleh pemilihan lokasi-lokasi yang strategik. Sebagai contoh, 16 buah pejabat MIDA adalah bertempat di negara-negara pengeksport modal utama di dunia seperti Amerika Syarikat, Eropah,

Asia dan Australia, manakala 3 lagi pejabat-pejabat MIDA yang baru dibuka pada tahun 2008 ditempatkan di negara atau bandaraya yang ekonominya kini lebih terbuka dan sedang menunjukkan satu momentum positif dalam lanskap ekonomi dunia atau "*emerging economies*", dengan izin.

Statistik menunjukkan, pengaliran masuk FDI ke Malaysia berdasarkan projek perkilangan yang diluluskan menyaksikan trend yang meningkat sepanjang tempoh lima tahun yang lalu, bermula daripada RM13.1 billion pada tahun 2004, RM17.9 billion (2005), RM20.2 billion (2006) dan RM33.4 billion (2007). Manakala pada tahun 2008, jumlah FDI yang diluluskan telah meningkat kepada RM46.1 billion. Bagi tahun 2008, sumber pelaburan asing terbesar adalah dari Australia berjumlah RM13.1 billion, Amerika Syarikat (RM8.7 billion), Jepun (RM5.6 billion) dan Jerman (RM4.4 billion).

Berdasarkan trend pelaburan yang menggalakkan ini, amat jelas membuktikan keberkesanan pejabat-pejabat MIDA di luar negara dalam membawa masuk FDI ke dalam negara dan seterusnya memastikan Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan pilihan di rantau ini melalui langkah-langkah proaktif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

****

SOALAN 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [KOTA BELUD]

TARIKH : 16 MAC 2009

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan

(a) Bilangan syarikat yang telah berjaya mendapatkan pembiayaan Tabung Khas Pelancongan dari negeri Sabah sejak mula diperkenalkan; dan

(b) Berapakan nilai keseluruhan pinjaman dalam tempoh tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelancongan telah melancarkan dana Tabung Khas Pelancongan bagi membantu pengusaha bumiputera untuk membangunkan industri pelancongan di kalangan pengusaha kecil dan sederhana pada tahun 2002 oleh YB Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan peruntukan berjumlah **RM400.0juta**. Pada **23 Mac 2005**, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan tambahan berjumlah **RM300.0juta** dan menjadikan keseluruhan dana berjumlah **RM700.0juta** dengan kadar faedah 3.75% dan tempoh pembayaran semula diantara 5 hingga 20 tahun. Dan pada akhir tahun 2005, Kementerian Kewangan telah **meluluskan** siling peruntukan kepada **RM1.2bilion** dengan kadar faedah 5.5%. Pada **29 November 2006**, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan peruntukan tambahan dan menjadikan siling pinjaman Tabung Khas Pelancongan berjumlah **RM3.0bilion**.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, sejak dana ini telah di perkenalkan pada bulan Oktober 2002 sehingga 31 Disember 2008, sebanyak **331** buah syarikat bertaraf bumiputera yang telah diluluskan pinjaman oleh pihak SME Bank (M) Berhad. Daripada jumlah tersebut sebanyak **47** buah syarikat dari Negeri Sabah telah berjaya mendapatkan pinjaman di bawah Tabung Khas Pelancongan.

Mulai **Oktober 2002 sehingga 31 Disember 2008**, pihak SME Bank Cawangan Negeri Sabah telah pun meluluskan permohonan pinjaman berjumlah **RM143,616,733.20** bagi keseluruhan Negeri Sabah.

SOALAN NO : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS]

TARIKH : 16 MAC 2009

SOALAN :

DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN APAKAH STATUS PEMBINAAN LEBUH RAYA PANTAI TIMUR (LPT) FASA 11 KUANTAN – KUALA TERENGGANU.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, PROJEK LEBUH RAYA PANTAI TIMUR FASA 2 ADALAH MERUPAKAN SEBUAH PROJEK MEGA BERNILAI RM3.6 BILLION YANG DILAKSANAKAN SECARA BERSAMA DI ANTARA JABATAN KERJA RAYA DAN LLM . YAB PERDANA PELAKSANAAN PROJEK LPT FASA II DIBIAYAI OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN M,ELALUI PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DI BAWAH SILING RMK-9 DAN PERUNTUKAN DARI DANA KHAS PERSEKUTUAN NEGERI TERENGGANU.

PELAKSANAAN PROJEK INI DIBAHAGIKAN KEPADA 17 PAKEJ DAN MELIBATKAN 12 KONTRAKTOR UTAMA. SEHINGGA 30 JANUARI 2009, KEMAJUAN FIZIKAL PROJEK SUDAH MENCAPAI 52.6%(SEBENAR) BERBANDING 60.3%(JADUAL). PROJEK INI DIJANGKA SIAP SEPENUHNYA PADA BULAN JULAI 2011.

ANTARA HALANGAN YANG DIHADAPI DALAM PEMBINAAN PROJEK INI IALAH MASALAH *CASH FLOW* KONTRAKTOR AKIBAT KENAIKAN HARGA BAHAN BINAAN SEPERTI BESI,SIMEN DAN TEMBAGA, MASALAH BEKALAN PASIR DAN TANAH, MASALAH CUACA SERTA MASALAH PENGAMBILAN BALIK TANAH. WALAU BAGAIMANAPUN, KERAJAAN TELAH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PEMBETULAN SEPERTI PEMBERIAN VARIATION OF PRICE (VOP) DAN LANJUTAN MASA BAGI MEMASTIKAN PROJEK INI DAPAT DISIAPKAN.

Soalan No: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN GOBALAKRISHNAN a/l NAGAPAN [PADANG SERAI]**

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : **16 MAC 2009 (ISNIN)**

SOALAN : **NO. 44**

SOALAN

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan mengapa penduduk servis apartmen dikenakan bayaran elektrik dan air pada kadar komersil sedangkan mereka sepatutnya dikenakan bayaran pada kadar kediaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan struktur tarif elektrik yang telah diluluskan oleh Kerajaan dan diguna pakai di Semenanjung, pengguna yang menduduki atau mengendalikan pangsapuri khidmat atau dengan izin, *service apartment*, hotel, rumah penginapan atau sebarang aktiviti

perdagangan lain adalah dikategorikan di bawah kategori pengguna perdagangan (*commercial consumer*) di mana kadar tarif adalah pada kadar tarif perdagangan.

Walau bagaimanapun, bagi pangsapuri khidmat yang didaftar dan digunakan sebagai premis kediaman dan bukan untuk tujuan perniagaan, pengguna adalah layak untuk menerima kadar tarif di bawah tarif domestik dengan meter yang disambung secara berasingan.

Bagi kadar bayaran air pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa, pada masa ini penggunaan air oleh penduduk *service apartmen* dan pangsapuri kos rendah dikenakan caj pada kadar komersial *(flat rate)* mengikut bacaan meter pukal yang terletak di sempadan kawasan kompleks bangunan. Manakala bagi rumah teres, mengikut kadar domestik iaitu berpandukan blok penggunaan mengikut bacaan meter individu. Di antara sebab mengapa kadar *flat rate* dengan izin, digunakan untuk *service apartment* ialah bagi menampung kos penggunaan air untuk kemudahan gunasama yang disediakan seperti kolam renang, kerja-kerja penyelenggaraan bangunan, *club house* dengan izin, dan sebagainya.

Sementara itu, bagi membolehkan pengguna-pengguna di pangsapuri dan apartmen menikmati kadar domestik, kerajaan menggalakkan pemilik-pemilik kediaman tersebut melalui Jawatankuasa Pengurusan masing-masing berhijrah dari meter pukal kepada meter individu. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Pengurusan tersebut segera berunding dengan semua pemilik kediaman dan membuat permohonan dengan operator-operator perkhidmatan bekalan air di negeri masing-masing.

****

SOALAN NO. (45)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)
TARIKH	:	16 MAC 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan butiran mengenai jumlah penduduk warga asing yang mempunyai kediaman di negara ini mengikut pecahan negeri dari tahun 2004 hingga 2008 dan sejauh manakah mereka ini memberi kebaikan kepada masyarakat tempatan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut maklumat yang diterima daripada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, jumlah perolehan unit kediaman oleh warga asing di negara ini mengikut pecahan negeri dari tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti berikut:-

Negeri	Bilangan Unit		
	2004	2005	2006
Johor	374	510	543
Kedah	22	36	26
Kelantan	0	1	0
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1,104	2,148	1,477
Wilayah Persekutuan Labuan	3	2	3
Melaka	62	36	42
Negeri Sembilan	85	125	73
Pahang	33	28	49
Perak	61	79	63
Perlis	0	0	1
Pulau Pinang	266	318	303
Sabah	25	54	84
Sarawak	7	12	17
Selangor	762	1,183	879
Terengganu	2	3	1
Wilayah Persekutuan Putrajaya	17	8	9

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, mulai 21 Disember 2006, warga asing dibenarkan membeli unit kediaman pada harga melebihi RM 250 ribu seunit ke atas dan tidak lagi tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Asing.

Manakala, bagi Program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan pula, pembelian unit kediaman oleh warga asing dari tahun 2006 ke 2008 adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Unit
Johor	9
Kedah	2
Kelantan	0
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	256
Wilayah Persekutuan Labuan	-
Melaka	9
Negeri Sembilan	7
Pahang	7
Perak	13
Perlis	-
Pulau Pinang	69
Sabah	4
Sarawak	-
Selangor	97
Terengganu	-
Wilayah Persekutuan Putrajaya	-

Dalam usaha untuk menarik lebih banyak syarikat asing menubuhkan ibu pejabat di Malaysia, Kerajaan perlu memberi

perhatian kepada keperluan perumahan di kalangan pegawai-pegawai dagang yang berkhidmat di negara ini. Oleh itu, perolehan unit kediaman oleh warga asing atau kepentingan asing yang melebihi RM 250 ribu bukan sahaja dapat meningkatkan permintaan hartanah yang bernilai sederhana tinggi dan tinggi bahkan juga dapat merangsang pembangunan keseluruhan industri perumahan negara.

Dalam pada itu, pemilikan unit kediaman oleh warga asing melalui program MM2H juga dapat membantu meningkatkan lagi sektor pelancongan negara memandangkan warga asing boleh tinggal lama dan juga boleh membuat lawatan yang lebih kerap ke negara kita. Oleh itu, ia secara tidak langsung akan memberi manfaat kepada masyarakat tempatan di mana mereka akan menikmati pulangan dari aktiviti ekonomi yang lebih luas.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

Soalan No : 46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR)**
TARIKH	:	**16.03.2009**

SOALAN:

Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah termasuk Sekolah Kebangsaan, Cina, Tamil dan Agama di Parlimen Kapar dan senaraikan jumlah yang diberikan dari tahun 2005 hingga 2008 mengikut nama sekolah dan jumlah peruntukan. Nyatakan juga jumlah peruntukan untuk sekolah tersebut yang akan disalurkan bagi tahun 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memberikan peruntukan sebanyak **RM7.3 juta pada tahun 2005, RM8.2 juta (2006), 9.8 juta (2007) dan 11.7 juta (2008)** kepada 47 buah sekolah SK, SJKC, SJKT dan Sekolah Agama di Parlimen Kapar. Jumlah peruntukan yang diberikan dalam tempoh tersebut ialah sebanyak RM37.07 juta.

No. Soalan: ~~38~~ 47

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN CHUA TEE YONG**
TARIKH	:	**16 MAC 2009**

TUAN CHUA TEE YONG minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah jenis insentif dan bantuan modal yang ditawarkan oleh Kementerian kepada usahawan-usahawan bukan Bumiputera. Berapakah jumlah bantuan yang telah diberikan kepada usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera dari tahun 2004 hingga 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) mempunyai pelbagai jenis insentif dan pembiayaan yang diberikan kepada usahawan-usahawan Bumiputera dan juga kepada bukan Bumiputera.

Insentif-insentif yang ditawarkan oleh MECD adalah dalam bentuk latihan dan bantuan pembiayaan kepada bakal-bakal usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera. Antara insentif latihan yang ditawarkan oleh MECD yang meliputi usahawan Bumipuetra dan bukan Bumiputera ialah program Skim Usahawan Siswazah (SUS) yang dianjurkan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Melalui program ini, peserta akan mengikuti program latihan dan sekiranya berjaya perserta boleh memohon pinjaman Tabung Usahawan Siswazah (TUS) di bawah Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Bank).

MECD juga melalui MARA ada memberikan latihan kemahiran kepada bukan Bumiputera di GiatMARA. Sehingga tahun 2008, seramai **985** orang pelajar bukan Bumiputera telah dilatih dan seramai 13 orang pelajar telah menamatkan latihan pada Disember 2008 dan selebihnya seramai 972 orang pelajar masih lagi mengikuti latihan.

Selain itu program lain yang ditawarkan ialah Program Usahasama Tulen antara usahawan Bumiputera dengan bukan Bumiputera dan syarikat asing dimantapkan semula untuk meningkatkan kapasiti enterprise dan menambah nilai perniagaan. Sehingga tahun 2008, sebanyak 11 syarikat usahasama tulen telah diwujudkan dan kini pendekatan ini sedang disusun semula untuk mempertingkatkan program ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian juga memberi insentif kepada usahawan yang ingin menceburi bidang francais, Kementerian melalui agensinya Perbadanan Nasional Berhad (PNS) menyediakan program untuk semua usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera iaitu program pembiayaan Skim Bantuan Perniagaan Francais (SBPF) dimana sehingga sehingga 2008, sejumlah **RM1.021 juta** telah diberikan kepada syarikat Bumiputera dan **RM414,000.00** telah diberikan kepada syarikat bukan Bumiputera.

Selain dari itu, MECD juga bertanggungjawab memberikan lesen kenderaan perdagangan melalui Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), sehingga 2008 jumlah lesen yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut:

Bil	Lesen	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
1.	Teksi	48,933	15,450	64,383
2.	Bas	26,758	18,832	45,590
3.	Lori	97,211	136,782	233,993

Jumlah keseluruhan bagi pengeluaran lesen sehingga tahun 2008 adalah sebanyak **343,966.**

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada insentif latihan, insentif dari segi pembiayaan turut diberikan. Dari tahun 2004 hingga tahun 2008 sebanyak **RM2,666,87,169.00** jumlah pembiayaan kepada Bumiputera telah dikeluarkan. Jumlah ini merngkumi pembiayaan di pelbagai agensi di bawah Kementerian seperti MARA, TEKUN, PNS dan juga Bank Rakyat. Agensi-agensi ini menawarkan pelbagai jenis pembiayaan kepada bukan Bumiputera contohnya:

i) Bank Rakyat – Skim pembiayaan Mikro-i (untuk usahawan mikro-enterpris) dan Skim Belia Niaga; dan
ii) Bank SME – Program Usahawan Bioteknologi dan Tabung Usahawan Siswazah.

Bagi pembiayaan kepada bukan Bumiputera pula, dari tempoh 2004 sehingga 2008, sebanyak **RM25,692,100.00** telah diberikan kepada bukan Bumiputera melalui pinjaman yang disediakan oleh Bank Rakyat, **RM450,164.00** oleh TEKUN, **RM583.03 juta** oleh pihak SME Bank dan pihak Suruhanjaya Koperasi (SKM) juga ada memberikan bantuan pembiayaan kepada bukan Bumiputera dimana sehingga kini **RM2,621,583.00** telah diberikan.

Program yang dirancang dan dilaksanakan oleh MECD bukan sahaja tertumpu kepada Bumiputera malah juga melibatkan bukan Bumiputera selaras

dengan hasrat untuk meningkatkan pembangunan usahawan meliputi semua lapisan masyarakat di Malaysia.

Disediakan oleh	:	**KPPK (RN)1 / PP (RN) 3** **Sabarudin Bin Salleh / Siti Zulaikha Mohd Zobir** **03-8880 5192 / 03-8880 5195** **019-266 3890 / 019-2648387**
Disemak Oleh	:	**PENGARAH (RN)** **Hj. Zakaria Bin Jaafar** **03-8880 5220** **016-383 6495**
Diluluskan Oleh	:	**TKSU (P)** 12/3/09.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]**
TARIKH	:	**16 Mac 2009 (Isnin)**
SOALAN	:	~~32~~ 48

Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah syarat-syarat dan keperluan penubuhan sesebuah sekolah penerbangan seperti yang diperuntukkan selaras dengan piawaian antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bayan Baru, syarat-syarat dan keperluan penubuhan sesebuah sekolah penerbangan adalah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 1996 (Peraturan – 45) dimana selaras dengan piawaian antarabangsa seperti berikut:

(i) pemohon perlu menubuhkan syarikat dan didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;

(ii) pemohon perlu mengemukakan senarai Lembaga Pengarah dan pegawai kanan pengurusan;

(iii) pemohon perlu menyatakan lokasi di mana sekolah dan kemudahan penginapan dan latihan disediakan;

(iv) pemohon perlu menyatakan lokasi pusat latihan penerbangan dengan menyatakan lapangan terbang yang dipilih dan jumlah pesawat latihan yang dimiliki;

(v) pemohon perlu menyatakan jenis-jenis kursus yang ditawarkan dan menyediakan senarai tenaga pengajar/staf;

(vi) pemohon perlu menyediakan kemudahan penyelenggaraan dan lain-lain keperluan

(vii) pemohon perlu mengemukakan struktur organisasi, modal dan ekuiti termasuk pinjaman dan kos projek; dan

(viii) pemohon perlu mengemukakan justifikasi permohonan bersama borang permohonan dan profil syarikat yang menyatakan pengalaman, kemantapan kewangan dan sebagainya.

Selain itu, pemohon perlu mematuhi syarat-syarat operasi/teknikal yang ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam dari semasa ke semasa seperti berikut:

(i) memiliki pesawat yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia;

(ii) memiliki jurulatih, jurutera dan staff teknikal yang diiktiraf oleh Jabatan Penerbangan Awam (*DCA*);

(iii) mematuhi kawasan ruang udara penerbangan dan latihan di lapangan terbang tertentu sebagai pangkalan operasi; dan

(iv) memiliki keupayaan kewangan, modal dan kemudahan infrastruktur yang mencukupi seperti bangunan, simulator latihan dan khidmat sokongan/penyelenggaraan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]

TARIKH : 16 Mac 2009 (Isnin)

SOALAN : ~~36~~ 49

Tuan Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jika kaunter AirAsia boleh mengutip bayaran *"express boarding"* caj bagasi dan sebagainya, apakah masalahnya jika AirAsia memberi nombor tempat duduk kepada penumpangnya terutama sekali penumpang sekeluarga.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Kalabakan, sebagai langkah untuk memastikan keselesaan penumpang, AirAsia telah pun mula memberikan nombor tempat duduk dalam penerbangannya mulai 12 Feb 2009.

NO. SOALAN : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN NGA KOR MING [TAIPING]**
TARIKH	:	**16 MAC 2009**
SOALAN	:	**TUAN NGA KOR MING [TAIPING]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah bilangan peruntukan agama mengikut tahun dan jumlah rumah ibadat yang telah dibina dalam tempoh 200 hingga 2009 termasuk masjid, surau, tokong, gereja dan kuil.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2000 hingga 2009, sejumlah RM799,596,617.25 telah diperuntukan bagi menaiktaraf/membina 653 buah rumah ibadat iaitu masjid, tokong, gereja dan kuil di seluruh negara. Peruntukan ini melibatkan 459 buah masjid dengan peruntukan sebanyak RM794,714,817.25, 120 buah kuil (RM3,236,500.00), 46 buah tokong (RM683,500.00) dan 28 buah gereja (RM961,800.00).

Untuk makluman Ahli Y.B. juga, peruntukan ini adalah peruntukan yang disediakan di bawah Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri sahaja. Terdapat juga peruntukan-peruntukan lain yang disediakan samada oleh KerAjaan Negeri, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain pihak. Jumlah peruntukan dan bilangan rumah ibadat yang telah dibina mengikut tahun adalah seperti berikut :

LAPORAN RINGKASAN BILANGAN RUMAH IBADAT DAN PERUNTUKAN TAHUN 2000 SEHINGGA PERTENGAHAN FEBRUARI 2009

TAHUN	MASJID		TOKONG		GEREJA		KUIL	
	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
2000	1	800,000.00	14	50,000.00	10	55000.00	18	520,000.00
2001	57	86,143,815.86	10	81,000.00	1	250000.00	19	600,000.00
2002	49	81,234,139.13	10	223,500.00	2	80000.00	14	397,500.00
2003	67	.104,394,679.75	0	0.00	3	100000.00	0	
2004	64	104,983,843.28	2	106,000.00	1	32500.00	13	420,000.00
2005	45	70,629,099.50	3	102,000.00	0	0.00	16	432,000.00
2006	30	43,935,611.13	4	103,000.00	4	299300.00	22	445,000.00
2007	53	119,223,467.34	2	12,000.00	5	115000.00	4	82,000.00
2008	53	132,232,702.60	1	6,000.00	2	30000.00	12	140,000.00
2009	40	51,137,458.66	0	0.00	0	0.00	2	200,000.00
Jumlah	459	794,714,817.25	46	683,500.00	28	961800.00	120	3,236,500.00

Jumlah Keseluruhan **653**

Jumlah Peruntukan **799,596,617.25**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Mohd Nizar bin Zakaria
[Parit]

TARIKH : 16 Mac 2009 (Isnin)

SOALAN : ~~36~~ 57

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk menambah kemudahan di LCCT memandangkan ianya kini menjadi tumpuan penumpang bajet dan mengapakah Air Asia yang merupakan sebuah syarikat swasta yang langsung tidak melambangkan ciri-ciri Malaysia boleh diberi keutamaan dan keistimewaan untuk menggunakan LCCT dan tidak kepada MAS yang merupakan syarikat milik Kerajaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat dari Parit, Kementerian Pengangkutan adalah dalam proses menambahkan kemudahan-kemudahan di LCCT melalui Projek Menaik Taraf terminal tersebut yang telah bermula pada bulan April 2008 dan dijangka siap pada

akhir bulan March 2009 ini. Di antara kemudahan-kemudahan yang ditambah adalah seperti berikut :

(i) pembesaran dan pengubahsuaian bangunan terminal;

(ii) pengubahsuaian *check-in counters and outbound baggage system;*

(iii) pengubahsuaian *International Departure Hall;*

(iv) pembesaran *parking apron;*

(v) pengubahsuaian c*urb side, car park and roads;*

Mengenai pertanyaan mengapa AirAsia diberi keutamaan dan keistimewaan untuk menggunakan LCCT dan tidak kepada MAS yang merupakan syarikat milik Kerajaan, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak mengamalkan dasar pilih kasih dalam penggunaan mana-mana lapangan terbang atau terminal lapangan terbang oleh syarikat-syarikat penerbangan sama ada dari dalam atau luar negeri. Syarikat MAS atau syarikat-syarikat penerbangan lain boleh menggunakan LCCT sekiranya mereka hendak berbuat demikian. Namun demikian, berdasarkan modul perniagaannya, MAS memilih untuk menggunakan terminal utama di KLIA.

SOALAN 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING)**
TARIKH	:	**16 MAC 2009**

SOALAN:

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk meningkatkan taraf hidup orang Dayak di Sarawak dan adakah angka-angka statistik yang menunjukkan tahap sosial ekonomi orang Dayak berbanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh akhir Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan akan terus mempertingkatkan usaha dalam menangani ketidaksamaan sosioekonomi bagi membolehkan semua kaum menikmati hasil dari pembangunan negara. Bagi mencapai matlamat ini, strategi utama Kerajaan ialah memberi tumpuan kepada pelaksanaan program/projek yang dapat memberi manfaat langsung kepada kumpulan sasar termasuk semua kumpulan Bumiputera di negeri Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, bagi kes Sarawak, Kerajaan telah menyediakan pelbagai program/projek yang telah dan akan dilaksanakan oleh pelbagai agensi sama ada di peringkat Persekutuan mahupun

negeri bagi membantu penduduk di Sarawak termasuk kumpulan etnik Dayak yang terdiri daripada Iban dan Bidayuh.

Di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan sahaja, Sarawak telah diperuntukan sejumlah RM12.3 bilion bagi perbelanjaan pembangunan negeri berkenaan. Antara program/projek utama yang dilaksanakan di Sarawak merangkumi pelbagai aktiviti seperti penyediaan infrastruktur asas terutamanya di kawasan luar bandar seperti jalan, bekalan elektrik, bekalan air, penyediaan kemudahan pendidikan rendah, menengah, tinggi dan lain-lain yang mana semua ini dinikmati oleh semua penduduk di Sarawak termasuk kumpulan etnik Dayak. Selain itu, beberapa program khusus juga dilaksanakan di bawah program pembasmian kemiskinan yang memberi manfaat secara langsung kepada penduduk Sarawak termasuk kumpulan etnik Dayak seperti program penjanaan ekonomi, pembangunan tanah adat, bantuan perumahan termasuk pembaikan dan pembinaan baru rumah panjang dan rumah sesebuah, pemberian insentif peralatan menangkap ikan bagi nelayan, kemudahan kredit mikro, pembangunan keusahawanan, program latihan kemahiran, bantuan pendidikan, bantuan kebajikan dan sebagainya.

Dari segi angka sosio ekonomi khusus untuk kumpulan etnik Dayak, berdasarkan Penyiasatan Isi Rumah 2007 menunjukkan pendapatan bulanan isi rumah bagi kumpulan etnik Dayak ialah RM2,356. Pada masa yang sama, kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar bagi kumpulan etnik Dayak ialah pada kadar 5.3 peratus dan 0.6 peratus.

NO: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN 53 [PR-1221-L18098]

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi (Batu Pahat)

TARIKH : 16 MAC 2009

SOALAN : **YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah bantuan Kerajaan Malaysia untuk membangunkan semula Gaza yang musnah teruk kesan serangan Zionis Israel. Nyatakan perkembangan lobi Malaysia ekoran sidang khas Parlimen mengenai isu Palestin pada Januari 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh tujuh orang Ahli Parlimen ini iaitu, YB Lenggong pada 23 Februari 2009, YB Pasir Puteh pada 5 Mac 2009, YB Pontian pada 10 Mac 2009, YB Batu Pahat pada 16 Mac 2009, YB Arau dan YB Lipis pada 19 Mac 2009 dan pertanyaan bukan jawab lisan oleh YB Tanah Merah, memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama, iaitu berhubung sumbangan Kerajaan dan rakyat Malaysia kepada penduduk Gaza yang menderita akibat serangan Israel.

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan telah mengaktifkan kembali Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin. Sumbangan-sumbangan yang disalurkan oleh orang awam ke Tabung ini di selia oleh Jawatankuasa Akuan Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri. Jawatankuasa ini akan memutuskan mengenai tatacara, mekanisme adan bentuk sumbangan yang akan disalurkan kepada rakyat Palestin. Bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat Palestin dikategorikan kepada beberapa fasa iaitu fasa semasa serangan, selepas serangan dan fasa pembangunan dan pembinaan semula Gaza.

2. Sumbangan-sumbangan yang disalurkan melalui Kementerian Luar Negeri ditadbir oleh Jawatankuasa Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri. Jawatankuasa ini akan menyalurkan semua sumbangan yang diterima kepada badan-badan yang akan dipertanggungjawabkan untuk menguruskan bantuan yang bersesuaian bergantung kepada keperluan yang dikenal pasti di Gaza.

3. Setakat 20 Februari 2009, jumlah dana yang diterima dan terkumpul di dalam Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin di Kementerian Luar adalah berjumlah RM11,450,251.89. Di samping itu, Kerajaan telah menyumbangkan US$ 1 juta melalui MERCY Malaysia ketika permulaan serangan Israel ke atas Gaza. Bagi tabung-tabung lain yang diusulkan oleh badan-badan bukan Kerajaan, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak memiliki peruntukan undang-undang khas untuk mengawal selia perjalanan tabung-tabung berkenaan. Sehubungan itu, pemantauannya adalah terpulang kepada rang ramai yang menderma kepada tabung-tabung berkenaan. Sekiranya berlaku penyelewengan, orang ramai perlulah melaporkan perkara tersebut dan pihak berkuasa pasti akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

4. Berhubung soalan YB Lenggong, pasukan-pasukan bantuan bencana dan kemanusiaan yang telah pergi ke Gaza adalah terdiri daripada ahli-ahli pertubuhan bukan Kerajaan. Saya percaya mereka turut membawa imej Malaysia di persada bantuan kemanusiaan antarabangsa. Kerajaan juga menjalinkan kerjasama dengan NGO-NGO yang telah dan akan pergi ke Gaza bagi memastikan sumbangan-sumbangan yang akan diberi akan sampai kepada – dan dimanfaati oleh rakyat Palestin di Gaza.

5. Untuk pengetahuan YB Pontian, tajaan pembelajaran bagi pelajar-pelajar Palestin termasuk dalam peringkat bagi membantu pembangunan dan pembinaan semula Gaza dan akan diperhalusi apabila keadaan mengizinkan dan kembali tenang. Ianya juga terdapat dalam program besar 'New Asia-Africa Strategic Partnership' yang dikendalikan oleh Indonesia dan Afrika Selatan. Malaysia bersama-sama semua negara Asia dan Afrika turut mengeluarkan bantuan secara langsung kepada Palestin dan ni disalurkan di bawah program Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin.

6. Untuk makluman YB Batu Pahat, ekoran sidang khas Parlimen mengenai isu serangan Israel di Gaza pada 12 Januari 2009 lalu, Kerajaan telah menghantar resolusi tersebut ke negara-negara yang mempunyai Badan Perundangan. Selain itu, Kerajaan juga telah mengusahakan bagaimana Israel boleh dibawa ke Tribunal Jenayah Antarabangsa untuk dibicarakan.

7. Untuk pengetahuan YB Tanah Merah, kos-kos yang melibatkan pengurusan untuk penyaluran bantuan tersebut adalah minimum, jika ada, kerana kebanyakan kos adalah ditanggung oleh Kerajaan juga.

SOALAN NO.: 54

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]

TARIKH : 16 MAC 2009

SOALAN :

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan di bawah dasar perlindungan hidupan liar, babi hutan adalah binatang yang dilindungi. Masalahnya kawasan pertanian di kampung, binatang ini menjadi masalah besar dan satu trauma kepada petani. Adakah Kementerian bercadang supaya binatang ini dihapuskan dari senarai akta perlindungan ataupun diberi Permit kepada pemburu yang berminat atau berikan tugas kepada RELA untuk mengurangkan jumlahnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan terus menyenaraikan babi hutan sebagai spesies yang diperlindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76]. Walaupun babi hutan tersenarai sebagai binatang liar yang diperlindungi, namun pemburu berlesen boleh menembak dan mengambil spesies ini sepanjang tahun tanpa had.

Dalam pada itu, Seksyen 55 Akta 76 tersebut memperuntukkan bahawa pemunya atau penduduk tanah atau pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) boleh menembak atau membunuh hidupan liar termasuk babi hutan yang menyebabkan kerosakan besar kepada tanaman. Pihak Jabatan PERHILITAN dan ahli-ahli RELA sering melaksana operasi bersama membasmi musuh tanaman termasuk untuk babi hutan dan aktiviti ini masih boleh dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 55

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG]

TARIKH : 16 MAC 2009

RUJUKAN : 1600

SOALAN :

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa efektifnya penguatkuasaan undang-undang di kawasan pedalaman. Patutkah diwujudkan sebuah sistem komunikasi kecemasan di pedalaman agar penduduk di sana dapat menghubungi pihak polis dengan secepat yang mungkin.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, kawasan pentadbiran pasukan Polis Polis Diraja Malaysia adalah meliputi seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Setiap negeri diketuai oleh seorang ketua polis berjawatan Ketua Polis Negeri manakala ketua polis bagi Sabah dan Sarawak adalah berjawatan Pesuruhjaya Polis. Pentadbiran di setiap negeri pula dipecahkan kepada beberapa daerah dan di setiap daerah mempunyai beberapa buah balai polis. Terdapat juga pondok-pondok polis didirikan di dalam kawasan pentadbiran balai-balai polis.

Tuan Yang Dipertua,

Kawasan pedalaman juga tidak terkecuali daripada pengawasan dan pemantauan oleh pihak polis. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, populasi penduduk di luar bandar adalah tidak padat dan jumlah penduduknya tidak begitu ramai berbanding di kawasan bandar. Pada kebiasaannya, keanggotaan bagi pondok polis adalah terdiri daripada 2 orang anggota yang ditugaskan untuk memantau keadaan keselamatan dan menjalankan penguatkuasaan undang-

undang. Anggota-anggota berkenaan akan mencari maklumat dan kemudiannya disalurkan kepada Ketua Polis Balai untuk tindakan selanjutnya. Selain itu, operasi-operasi khas turut dijalankan di kawasan pedalaman dengan melibatkan keanggotaan daripada Ibu Pejabat Polis Daerah dan balai-balai untuk tujuan mengesan dan menangkap penjenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah pun melaksanakan projek penambahbaikan perkhidmatan kecemasan kepada rakyat dengan melaksanakan dasar "Satu Negara, Satu Nombor" iaitu 999 mulai tahun 2007. Semua perkhidmatan kecemasan yang disediakan oleh Kerajaan melalui 4 agensi utama iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia (bagi perkhidmatan ambulan) dapat dihubungi melalui talian ini. Mana-mana individu yang menghadapi situasi kecemasan dan memerlukan bantuan dari PDRM atau mana-mana agensi tersebut boleh mendail talian 999 ini menggunakan perkhidmatan talian tetap atau pondok telefon awam mahu pun talian mudah alih secara percuma.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada itu, PDRM juga telah mewujudkan talian Rakan Cop di setiap kontinjen bagi memudahkan masyarakat untuk

menghubungi pihak polis. Sistem Rakan Cop ini bukan sahaja membolehkan masyarakat membuat panggilan terus ke hotline PDRM, malahan juga menyediakan kemudahan penyaluran maklumat melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

SOALAN NO: 56

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**16.03.2009**

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah menggunakan mata wang yang lain dari Dollar Amerika Syarikat (USD) dalam urus niaga perdagangan peringkat antara bangsa. Jika ada, nyatakan perinciannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia merupakan sebuah negara perdagangan yang aktif, dengan perdagangan mencakupi hampir 200% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar. Dalam melaksanakan penyelesaian (*settlement*) terhadap sesuatu transaksi perdagangan, tiada sebarang sekatan kepada pengimport dan pengeksport untuk tidak menggunakan mana-mana mata wang asing kecuali mata wang negara Israel. Perdagangan antarabangsa Malaysia

sebahagian besarnya dijelaskan dalam Dolar Amerika Syarikat, Euro, Yen Jepun, Dolar Singapura, Paun Sterling dan Dolar Hong Kong.

SOALAN NO. (57)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)

TARIKH : 16 MAC 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan memandangkan bot-bot amat diperlukan waktu banjir, adakah Kementeriannya bercadang untuk membekal bot-bot berserta dengan enjin-enjinnnya ke pejabat-pejabat Bomba dan Penyelamat yang memerlukannya di seluruh negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telahpun merancang dan membeli bot dan enjin untuk kerja menyelamat. Setakat ini, terdapat 210 buah bot beserta dengan enjin telah diperoleh dan diagihkan kepada balai-balai bomba di seluruh negara.

Dalam pada itu, JBPM telah membuat perancangan untuk pembelian 50 unit bot penyelamat beserta enjin dan 8 unit bot jenis *amphibious* pada tahun 2009.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

NO. SOALAN: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]

TARIKH : 16 MAC 2009

SOALAN :

Y.B. Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Petronas untuk membina "supply base" di Tumpat untuk member khidmat dan mendaratkan minyak dan gas dari pelantar-pelantar di pesisir lautan Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini PETRONAS tidak mempunyai perancangan untuk membina pengkalan bekalan (dengan izin *supply base*) di Kelantan.

Soalan No : 59

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR (JERLUN)**
TARIKH	:	**16.03.2009**

SOALAN:

Y.B. DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah usaha yang dilakukan untuk mempertingkatkan keberkesanan dan bilangan Sekolah Wawasan untuk memupuk perpaduan di antara kaum di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sekolah Wawasan yang diilhamkan oleh kerajaan merupakan wadah terbaik untuk memupuk integrasi nasional bermula di peringkat rendah persekolahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) belum menjalankan kajian yang khusus untuk mengkaji kejayaan objektif integrasi kaum di Sekolah Wawasan. Objektif integrasi kaum di Sekolah Wawasan merupakan sesuatu yang sukar diukur dan dibuktikan melalui kajian semata-mata. Walau bagaimanapun, melalui pemantauan yang dijalankan, KPM berkeyakinan konsep ini dapat mewujudkan integrasi kaum. Penglibatan guru dan pelajar dalam pelbagai aktiviti seperti perhimpunan sekolah, sambutan Hari Guru, sukan sekolah dan sambutan hari-hari kebesaran lain yang melibatkan semua murid dan guru telah menampakkan kerjasama erat antara murid, guru serta ibu bapa.

Pada masa ini, hanya satu kompleks Sekolah Wawasan yang melibatkan ketiga-tiga jenis sekolah sementara lima (5) kompleks Sekolah Wawasan lagi hanya melibatkan penyertaan dua (2) jenis sekolah iaitu SK dan SJKT. Langkah kerajaan mewujudkan kompleks Sekolah Wawasan yang berkongsi kemudahan dan persekitaran yang sama merupakan satu alternatif untuk memupuk perpaduan kaum. Dengan adanya konsep Sekolah Wawasan serta pelaksanaan program RIMUP, KPM yakin kejayaan integrasi kaum boleh direalisasikan menerusi pelbagai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan secara bersama dan berterusan.

SOALAN NO : 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan	:	**LISAN**
Daripada	:	**PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG]**
Tarikh	:	**ISNIN, 16 MAC 2009**

SOALAN

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bagaimanakah perubahan baru dalam pendekatan penyiaran Warta Perdana memberi kesan positif kepada rakyat Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Batang Sadong atas soalan yang dikemukakan. Penstrukturan semula jadual siaran di RTM pada 1 Januari 2009 membolehkan masyarakat menerima informasi sepanjang masa dan tidak hanya khusus pada waktu perdana. Dengan cara ini, lebih banyak informasi dapat disalurkan yang akhirnya memberi kesan positif kepada rakyat Malaysia.

PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Y.B Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy**

TARIKH : **16 Mac 2009** [61]

SOALAN : **Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dan mengemukakan statistik dan senarai pegawai-pegawai kedutaan Malaysia di luar negara mengikut kaum dan jantina.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah mengemukakan soalan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sehingga 31 Januari 2009, pengisian perjawatan pegawai dan kakitangan Kementerian Luar Negeri di Perwakilan-Perwakilan Malaysia di seberang laut adalah seramai empat ratus empat puluh lima (445) orang. Dari jumlah tersebut :

i. seramai tiga puluh tujuh (37) orang pegawai adalah dari kumpulan Pengurusan Tertinggi;

ii. seratus lima puluh tiga (153) orang pegawai adalah dari kumpulan Pengurusan & Profesional; dan

iii. dua ratus lima puluh lima (255) orang pegawai dan kakitangan adalah dari kumpulan Sokongan seperti

Penolong Pegawai Tadbir dan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan).

Tuan Yang Dipertua,

Bagi pecahan mengikut kaum pula, daripada empat ratus empat puluh lima (445) orang pegawai dan kakitangan Kementerian Luar Negeri yang sedang berkhidmat di Perwakilan Malaysia di seberang laut:

i. seramai empat ratus tiga belas (413) orang adalah berbangsa Melayu;
ii. empat belas (14) orang adalah berbangsa Cina;
iii. dua belas (12) orang adalah berbangsa India;
iv. lima (5) orang adalah berbangsa Bumiputera Bukan Melayu; dan
v. seorang (1) berketurunan Portugis.

Bagi pecahan mengikut jantina:

i. daripada jumlah tiga puluh tujuh (37) orang pegawai dari kumpulan Pengurusan Tertinggi, seramai tiga

puluh empat (34) orang adalah pegawai lelaki dan tiga (3) orang adalah pegawai wanita;

ii. dari kumpulan Pengurusan & Profesional, seramai satu ratus dua puluh lapan (128) orang adalah pegawai lelaki dan dua puluh lima (25) orang adalah pegawai wanita; dan

iii. dari kumpulan Sokongan pula, seramai satu ratus dua puluh sembilan (129) orang adalah pegawai dan kakitangan lelaki dan satu ratus dua puluh enam (126) orang adalah pegawai dan kakitangan wanita.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, urusan pengambilan pegawai dan kakitangan Kementerian Luar Negeri dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa termasuklah tapisan dan temu duga yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

Terima kasih.

SOALAN NO.62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI**
KAWASAN	:	**TITIWANGSA**
TARIKH	:	**16.03.2009 (ISNIN)**

Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI (TITIWANGSA) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan nilai perdagangan antara Malaysia dan Israel bagi tempoh 3 tahun terakhir ini. Apakah kebenaran di belakang tabir ini tidak bertentangan dengan dasar Kerajaan yang menolak hubungan dagang dengan Israel yang telah melakukan banyak keganasan di Palestin.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Perdagangan Malaysia dengan Israel adalah melalui rangkaian bekalan antarabangsa (international supply chain) yang kebanyakannya terdiri daripada bahan-bahan mentah dan komponen elektronik. Ia dikendalikan oleh syarikat-syarikat Multinational (MNCs) dengan

syarikat-syarikat bersekutu di rantau Teluk termasuk Israel. Ini adalah sebahagian daripada amalan perniagaan dan perdagangan antarabangsa yang di bawah kawalan syarikat-syarikat MNC sendiri. Jumlah nilai sebenar perdagangan adalah sukar untuk ditentukan kerana Malaysia tidak mempunyai hubungan perdagangan secara langsung dengan negara Israel.

****

SOALAN NO.: 63

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK TIONG THAI KING [LANANG]

TARIKH : 16 MAC 2009

SOALAN :

Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan hakisan tanah yang berterusan di Batang Rajang telah menyebabkan bandar Sibu dan daerah di sekitarnya sering mengalami masalah banjir terutamanya pada musim hujan dan aras sungai yang tinggi. Bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah hakisan tebing Batang Rajang yang semakin serius.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hakisan tebing sungai adalah fenomena semulajadi yang berlaku kepada sungai untuk mencapai kestabilan rejim sungai. Walaubagaimanpun kejadian ini akan dipercepatkan dengan adanya aktiviti-aktiviti manusia samada di sungai atau di daratan seperti pembukaan tanah yang tidak terkawal

untuk aktiviti pertanian dan pembangunan, pelayaran, penebangan hutan dan sebagainya. Hakisan tebing sungai yang berleluasa boleh menyebabkan proses pengenapan (siltation) meningkat dan mengakibatkan dasar sungai menjadi semakin cetek serta akan mengurangkan kapasiti sungai untuk mengalir air.

Mengenai kejadian banjir di Sibu, ianya adalah disebabkan oleh pelbagai faktor. Antara faktor utama ialah pertembungan kejadian hujan lebat yang berpanjangan serta air pasang tingg, di samping sungai yang cetek. Bagi mengatasi masalah banjir ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Sibu (Fasa 1), yang mana skop kerja adalah meninggikan jalan sediada yang bertindak sebagai ban dan pembinaan kolam takungan pintu air di Bandar Sibu.

Bagi mengatasi masalah hakisan tebing di Batang Rajang, satu kajian terperinci perlu dibuat bagi mengenalpasti punca masalah serta menyediakan rekabentuk dan skop kerja bagi menanganinya. Bagi tujuan ini peruntukan yang sewajarnya akan dipohon dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
TARIKH : 16 MAC 2009
SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan terus mengawal sendiri aktiviti penggunaan sinaran mengion dalam perubatan. Bagaimana pula kawalan dibuat terhadap penggunaan peralatan perubatan yang menggunakan sinaran tak mengion seperti ultrasound, penyinaran UV dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan telah menyiapkan deraf Rang Undang-Undang Peranti Perubatan berkenaan. Pada masa ini ianya berada di peringkat akhir semakan sebelum dimuktamad dan dibentangkan di Parlimen. Semua peralatan perubatan termasuk yang menggunakan sinaran mengion dan peralatan perubatan yang menggunakan sinaran tak mengion akan turut dikawal di bawah Rang Undang-Undang berkenaan.

Soalan No : 65

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI)**
TARIKH	:	**16.03.2009**

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa wujudnya suasana ketidak harmonian di Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah berhubung dengan jawatan-jawatan di sekolah-sekolah (DG38) lebih tinggi daripada Pejabat (DG34). Manakala di Sekolah Menengah pula Pengetuanya (DG48) dan (DG52).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gred sesuatu jawatan ditetapkan berdasarkan kepada beberapa kriteria antaranya ialah beban tugas, peranan, tanggung jawab, pengkhususan, kepakaran dan kompleksiti jawatan tersebut. Kriteria ini digunapakai dalam mana-mana perkhidmatan dan organisasi termasuk di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pewujudan gred jawatan guru di sekolah yang lebih tinggi daripada jawatan guru (Pentadbir) di Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) adalah kerana kriteria 'kepakaran' diambilkira dalam pemberian kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pelajaran khususnya dalam konteks perjawatan 'Guru Cemerlang' dan 'Guru Pakar' di sekolah.

Sehingga kini KPM mendapati keadaan ini tidak menimbulkan suasana yang kurang harmoni kerana guru-guru memahami peranan masing-masing dalam meningkatkan tahap profesionalisme keguruan.

Rjm 82

SOALAN NO: 66

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa**

[Parit Buntar]

TARIKH : **16 Mac 2009**

SOALAN: **Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa** **[Parit Buntar]** minta **Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani** menyatakan :

Perkembangan usaha mewujudkan profil pertanian di 222 Kawasan bagi menambah baik pengeluaran hasil pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian ini sememangnya mengumpul dan menguruskan maklumat pertanian terutama daripada segi pengeluaran bagi semua komoditi bahan makanan untuk setiap bulan bagi semua daerah di

seluruh negara. Maklumat-maklumat ini dibukukan secara berkala untuk tujuan perancangan dan rujukan.

Dalam masa yang sama juga, usaha-usaha sedang giat dijalankan oleh Kementerian bagi menyediakan profil lengkap bagi semua komoditi mengikut parlimen dan daerah. Usaha-usaha ini dijalankan dengan kerjasama semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian ini serta Kementerian Pertanian di Sabah dan Sarawak.

Melalui senarai profil yang lengkap ini, ia akan dapat membantu Kementerian ini bagi membangunkan sektor agro-makanan dengan lebih tersusun melalui perancangan dan penyaluran bantuan teknikal serta sumber-sumber lain dengan lebih teratur dan berkesan.

SOALAN NO: 67

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN: **LISAN**

DARIPADA : **TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]**

TARIKH : **ISNIN, 16 MAC 2009**

RUJUKAN : **17**

SOALAN :

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapakah projek memperluaskan Jalan Gombak mengambil masa sebegini lama sampai bertahun-tahun, apakah sebab-sebab yang melengahkan kerja dan bilakah projek ini dijangka selesai serta apakah jumlah kos projek ini dan siapakah kontraktor yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, projek melebarkan Jalan Gombak **dilaksanakan bagi menampung isipadu trafik yang kian bertambah dari kawasan Gombak** yang pesat membangun. Kerja-kerja menaikkan taraf serta melebarkan Jalan Gombak dari persimpangannya dengan Jalan Pahang ke sempadan Wilayah Persekutuan. Pelebaran Jalan Gombak ini **melibatkan jajaran sepanjang 4 kilometer** dan 3.5 meter lebar bagi setiap lorong, membina longkang, lampu jalan, siarkaki di kedua-dua belah jalan, empat buah jejantas konkrit dan melebarkan jambatan konkrit yang sedia ada.

Projek pelebaran Jalan Gombak ini telah **bermula dari 15 Mei 2006 dan akan dijangka siap sepenuhnya pada 14 Mei 2009 selama 36 bulan.** Sehingga kini, status projek adalah pada tahap 87% siap. Sehubungan dengan itu, dakwaan Ahli Yang Berhormat berkenaan berlakunya kelewatan untuk menyiapkan projek ini adalah kurang tepat kerana kemajuan kerja adalah mengikut jadual seperti yang dirancang.

Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengakui bahawa terdapat halangan-halangan yang dihadapi dalam tempoh perlaksanaan projek ini seperti :

(i) Isu pengambilan tanah;

(ii) Pengalihan tiang-tiang dan kabel milik Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Telekom Malaysia Bhd.; dan

(iii) Pengalihan paip air utama milik SYABAS

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan bagi Projek Melebarkan Jalan Gombak termasuk kos pengambilan tanah adalah sebanyak RM104 juta. Kontraktor yang melaksanakan projek ini ialah **Tetuan Gerbang Serantau Sdn. Bhd.**

SOALAN NO. 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA KRAI)**

TARIKH : **16 MAC 2009**

SOALAN:

Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada SPR telah menjalankan kajian untuk meneruskan penggunaan dakwat kekal semasa pengundian dan tindakan SPR seterusnya.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) masih membuat kajian terperinci berhubung dengan cadangan untuk penggunaan dakwat kekal semasa pilihan raya.

2. Kajian terperinci perlu dilakukan kerana ianya melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan hak mengundi seseorang warganegara.

3. Apabila kajian ini selesai dibuat, SPR akan mengemukakannya kepada kerajaan untuk pertimbangan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: ~~44~~ 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Dr. Siti Mariah Binti Mahmud**

[Kota Raja]

TARIKH : **16 Mac 2009**

SOALAN : **Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mewajibkan pensijilan logo halal sebagai syarat pengoperasian semua kedai makan seperti restoran, kantin dan hotel (public eatery outlets) di seluruh negara.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

1. Urusan bagi mendapatkan pensijilan logo halal adalah secara sukarela dan buat masa ini tidak diwajibkan sebagai syarat pengoperasian kepada semua kedai makan seperti restoran, kantin dan hotel di seluruh negara. Walaubagaimanapun, pihak HDC dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa membuat pemantauan terhadap operasi hotel-hotel di negara ini.

2. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi menggalakkan kedai makan seperti restoran, kantin dan hotel di seluruh negara memiliki sijil / logo Halal. Antaranya temasuklah :-

2.1. Menganjurkan bengkel khusus kepada yang berminat untuk mendapatkan sijil/logo halal. Bengkel ini diadakan selama tiga hari dua malam dengan kos ditanggung oleh pihak pengusaha makanan manakala penceramahnya dijemput daripada pihak HDC, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Melalui kursus ini para peserta diberi tunjuk ajar untuk mengisi borang permohonan secara 'on-line', menyediakan dokumen sokongan, memahami keperluan kebersihan yang dikehendaki menurut standard piawaian yang sedia ada, mengenalpasti sumber bahan ramuan yang tidak halal serta keperluan lain yang terkandung dalam MS 1500 : 2004 yang menjadi garis panduan bagi mendapatkan sijil/logo halal.

2.2. Mengadakan siri taklimat dan ceramah bagi mendidik masyarakat supaya memilih restoran atau hotel yang mempunyai sijil/logo halal bagi memenuhi keperluan mereka seperti untuk mengadakan seminar, majlis berbuka puasa, kenduri kahwin dan sebagainya.

2.3. Mengeluarkan siaran akhbar menyeru masyarakat umum supaya memilih restoran atau hotel yang mempunyai sijil/logo halal untuk apa-apa aktiviti harian mereka.

2.4. Menggalakkan Jabatan-Jabatan kerajaan mengadakan aktivitinya di restoran atau hotel yang mempunyai sijil/logo halal.

2.5. Mengadakan pameran bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna dan pengusaha agar mengutamakan restoran atau hotel yang disahkan halal di dalam setiap aktiviti dan program mereka.

2.6. Membangunkan portal halal bagi memberi maklumat kepada pengguna yang ingin mendapatkan maklumat mengenai restoran atau hotel halal.

2.7. Melalui media elektronik diadakan beberapa siri dokumentari "Halal Sentiasa" melalui saluran TV 2.

No. Soalan : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Dr. Lee Boon Chye**
(Gopeng)

TARIKH : 16 Mac 2009

SOALAN : **Dr. Lee Boon Chye** (Gopeng) meminta PERDANA MENTERI menyatakan :-

(a)Objektif dan peranan Biro Tatanegara; dan

(b)Perbelanjaan keseluruhan Biro tersebut setiap tahun antara tahun 2004-2008.

Jawapan :

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Objektif dan peranan Biro Tatanegara

Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Perdana Menteri mengendalikan Program Bina Negara yang meliputi pelbagai kursus dan seminar pemupukan patriotisme kepada semua lapisan masyarakat terdiri daripada pemimpin, warga institusi pendidikan, kakitangan kerajaan, pemaju masyarakat, anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pekerja swasta. Selain itu, BTN juga meningkatkan kualiti Program Bina Negara (PBN) melalui

kegiatan penyelidikan dan menjalankan penyelidikan mengenai keberkesanan dasar kerajaan dan kajian sosiopsikologi orang ramai.

BTN juga berperanan dalam mempertingkatkan komitmen rakyat kepada wawasan Negara dan usaha-usaha ke arah kecemerlangan Negara dan mempersiapkan rakyat supaya menunjangi dasar-dasar Negara ke arah pembangunan demi kesejahteraan bangsa.

(b) perbelanjaan keseluruhan BTN dari tahun 2004-2008

BTN menerima peruntukan perbelanjaannya daripada Kementerian Kewangan melalui permohonan bajet bagi setiap tahun. Berikut merupakan peruntukan dan perbelanjaan keseluruhan Biro Tatanegara bagi tahun 2004 hingga 2008.

i. Bagi tahun 2004, BTN telah menerima peruntukan sebanyak RM 78,327,937.00 dan telah membelanjakan sebanyak RM 75,755,505.00 (96.72%) ;
ii. Bagi tahun 2005, BTN telah menerima peruntukan sebanyak RM 58,727,330.00 dan telah membelanjakan RM 56,620,092.00 (96.41%) ;
iii. Bagi tahun 2006, BTN telah menerima peruntukan sebanyak RM 55,571,076.00 dan telah membelanjakan RM 51,540,116.00 (92.75%)
iv. Bagi tahun 2007, BTN telah menerima peruntukan sebanyak RM 79,572,462.00 dan telah membelanjakan RM 76,215,712.00 (95.78%) ; dan

v. Bagi tahun 2008, BTN telah menerima peruntukan sebanyak RM 72,723,700.00 dan telah membelanjakan RM 71,577,592.00 (98.42%)

No. Soalan : 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Tuan Gwo-Burne Loh**
(Kelana Jaya)

TARIKH : 16 Mac 2009

SOALAN : **Tuan Gwo-Burne Loh** (Kelana Jaya) meminta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana untuk memupuk perpaduan sedangkan Kerajaan Persekutuan masih menjalankan program Biro Tatanegara yang jelas memburukkan kaum bukan Melayu

Jawapan :

Tuan Yang Di Pertua,

BTN merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab bagi menyediakan dan melaksanakan program-program yang melibatkan semua lapisan masyarakat termasuk anggota komuniti, institusi pendidikan, belia, kakitangan awam, swasta, anggota pertubuhan serta pemimpin dan pemaju masyarakat. Pengisian program BTN adalah mengikut silibus kenegaraan yang ditetapkan. Silibus ini disediakan oleh golongan profesional yang mahir dalam bidang-bidang tertentu.

Selain dari itu elemen patriotisme juga diberi penekanan bagi memberi kesedaran dan meningkatkan semangat cinta serta setia kepada negara. Dalam usaha membangkitkan semangat patriotisme kadang kala gaya

penyampaian yang digunakan agak tegas dan menimbulkan rasa tidak senang kepada segelintir kecil peserta kursus. Setiap maklumat yang disampaikan kepada peserta kursus adalah berasaskan kepada fakta sejarah dan tidak menyentuh sentimen perkauman.

Semenjak penubuhannya lagi BTN menyanjung perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat pelbagai kaum. Ini boleh dilihat melalui pengisian program yang memberi penekanan terhadap aspek nilai-nilai murni, perpaduan antara kaum dan ini mampu meletakkan diri mereka berwibawa, berintegriti dan mempunyai jati yang utuh. Modul yang sedia ada sekarang banyak menyentuh perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang antara lain termasuklah hak dan kedudukan orang Melayu/Bumiputera dan dalam masa yang sama penerangan tentang hak-hak kaum lain juga tidak diabaikan. Peserta-peserta program juga diberi kebebasan untuk menyatakan pandangan, idea serta pendirian semasa mengikuti program tersebut. Pendek kata tidak timbul langsung soal memperkecil dan memburukkan kaum bukan Melayu kerana perkara-perkara yang disampaikan adalah berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian adalah tidak benar sama sekali tuduhan yang menyatakan bahawa BTN memburuk-burukkan bukan Melayu dalam program yang dianjurkan. Sebaliknya BTN sejak penubuhannya pada tahun 1981 lagi telah melaksanakan program yang menepati objektif utama iaitu untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan warganegara.

SOALAN NO. (72)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)

TARIKH : 16 MAC 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah garis panduan secara terperinci yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam perihal industri papan iklan besar mengikut dasar ketinggian, lokas, saiz, struktur, jenis tiang berkembar (twin pole) atau jenis tiga tiang (tripole) dan sebagainya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah mengeluarkan "Garis Panduan Papan Iklan Luar" untuk diterima pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara seragam di Semenanjung Malaysia.

Antara lain, garis panduan ini mengandungi kawalan ke atas perkara-perkara seperti ketinggian, lokasi dan saiz papan iklan luar. Bagi struktur pula, kawalan yang dikenakan adalah supaya bahan papan iklan yang digunakan adalah dari bahan yang tahan lama, tidak berkarat dan mampu menampung *wind load* seperti yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Jalan yang berkenaan iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan PBT.

Garis panduan juga memerlukan supaya struktur papan iklan didirikan di atas maksimum tiga tiang dan bukan di dalam bentuk kerangka yang boleh menyumbang kepada kemerosotan visual persekitaran.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

NO:73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' RASHID BIN DIN**
TARIKH	:	**16 MAC 2009**

SOALAN:

DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK) minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah cara pengagihan dana kepada peminjam dalam pembiayaan TEKUN dilaksanakan. Adakah ianya melalui agensi khas yang ditubuhkan oleh TEKUN atau diurus oleh Ahli Dewan Rakyat setiap kawasan Parlimen.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Program TEKUN Nasional diwujudkan adalah bagi membantu usahawan Bumiputera mikro untuk memula dan meningkatkan perniagaan melalui pembiayaan perniagaan secara mudah. Kini, TEKUN Nasional menjadi sebuah institusi pembangunan usahawan strategik yang menyediakan peluang-peluang perniagaan serta peluang menjana pendapatan, khidmat bimbingan dan sokongan serta jaringan usahawan.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sentiasa menggalakan usahawan dan bakal usahawan sendiri yang berurusan dengan agensi-agensi di bawah Kementerian ini sebagai langkah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian disamping mengelakan dari berlakunya unsur-unsur penipuan dan perkara-perkara negatif lain yang

berkemungkinan dilakukan oleh pihak ketiga termasuk dikalangan agen-agen yang dibenarkan. Dalam hubungan ini, TEKUN Nasional juga telah mengambil langkah yang sama dengan tidak melantik mana-mana agen untuk melaksanakan programnya sebaliknya ianya dilaksanakan sendiri oleh TEKUN Nasional melalui Pejabat TEKUN Kawasan Parlimen di seluruh negara. Sehubungan itu, usahawan atau bakal usahawan yang berminat boleh mengemukakan permohonan pembiayaan kepada Pegawai TEKUN di Pejabat TEKUN Kawasan Parlimen yang berhampiran dengan tempat perniagaan mereka mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Pemimpin-pemimpin tempatan juga boleh bertindak sebagai penyokong atau perujuk kepada permohonan pembiayaan untuk memastikan pemohon adalah dari kalangan penduduk tempatan atau dari kawasan Parlimen berkenaan.

Langkah-langkah penambahbaikan di dalam sistem penyampaian dalam urusan permohonan pembiayaan lain yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian adalah mempercepatkan tempoh masa memproses permohonan, memaklumkan alasan penolakan dan memberi peluang kepada usahawan mengemukan rayuan kes-kes penolakan mereka kepada Jawatankuasa Rayuan dan Mudah Biaya yang ditubuhkan diperingkat Kementerian.

SOALAN NO. 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG**
KAWASAN	:	**BAGAN**
TARIKH	:	**16.03.2009 (ISNIN)**

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan luar negeri di antara MITI dan UNCTAD, apakah jumlah pelaburan asing dan tempatan untuk 2008 dan 2007 dan berikan pecahan negeri, bolehlah diasingkan mengikut sektor teknologi tinggi, bio-teknologi, teknologi hijau, hala dan perkhidmatan profesional/software atau shared services.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan oleh MITI/MIDA pada tahun 2007 adalah RM59.9 billion. Daripada jumlah tersebut, RM33.4 billion (55.8 peratus) merupakan pelaburan langsung asing dan RM26.5 billion (44.2 peratus) adalah pelaburan tempatan.

Bagi tahun 2008 pula, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan meningkat sebanyak 4.8 peratus kepada RM62.8 bilion berbanding tahun 2007. Daripada jumlah kelulusan tersebut, RM46.1 bilion (73.4 peratus) merupakan pelaburan langsung asing dan RM16.7 bilion (26.6 peratus) adalah pelaburan tempatan.

Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2008 dan 2007 melebihi sasaran pelaburan tahunan di bawah Pelan Induk Perindutrian Ketiga (IMP3) iaitu sebanyak RM27.5 billion.

Tuan Yang Di Pertua,

Merujuk kepada laporan awal (*preliminary report*) yang dikeluarkan oleh United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) pada 19 Januari 2009, Malaysia telah merekodkan kenaikan kemasukan FDI sebanyak 53.4 peratus kepada RM46.4 bilion pada tahun 2008 berbanding RM30.3 bilion pada tahun 2007. Laporan awal yang dikeluarkan oleh UNCTAD tersebut menunjukkan bahawa Malaysia merupakan penerima pelaburan langsung asing tertinggi bagi rantau ini berbanding negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia.

Tuan Yang Di Pertua,

Dari segi nilai pelaburan yang diluluskan mengikut negeri, bagi tahun 2008, negeri Sarawak mencatatkan tahap pelaburan tertinggi sebanyak

RM15.2 billion, diikuti oleh Selangor (RM11.9 bilion), Johor (RM11.7 bilion), Pulau Pinang (RM10.2 bilion) dan Melaka (RM3.6 bilion).

Bagi tahun 2007 pula, negeri Kedah mencatatkan nilai pelaburan tertinggi sebanyak RM14.0 bilion diikuti oleh Selangor (RM11.2 bilion), Johor (RM9.2 bilion), Terengganu (RM6.2 bilion) dan Pulau Pinang (RM4.8 bilion).

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tahun 2008, sub-sektor yang telah menerima kemasukan pelaburan yang tertinggi adalah Produk Logam Asas (RM25.8 bilion), Produk Elektronik dan Elektrikal (RM17.8 bilion), Kelengkapan Pengangkutan (RM2.9 bilion), Pembuatan Makanan (RM2.8 bilion) dan Produk Petroleum (termasuk petrokimia) (RM2.7 bilion).

Bagi tahun 2007 pula, lima sub-sektor yang telah menerima pelaburan yang tertinggi adalah Produk Elektronik dan Elektrikal (RM15.1 bilion), Produk Petroleum (termasuk Petrokimia) (RM13.8 bilion), Produk Logam Asas (RM12.1 bilion), Kimia dan Produk Kimia (RM3.8 bilion) dan Kertas, Percetakan dan Penerbitan (RM2.9 bilion).

****

NO SOALAN : 75

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)**
TARIKH	**:**	**16 MAC 2009 (ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah KEMENTAH menyedari bajet pengurusan dan bajet pembangunan semakin mencapai nisbah yang tidak seimbang dan munasabah. Adakah nisbah yang tidak seimbang ini akan menjejaskan kemajuan proses modenisasi ATM. Apakah nisbah yang dianggap munasabah oleh KEMENTAH.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bajet Mengurus merupakan peruntukan tahunan yang disediakan oleh Kerajaan untuk membiayai keperluan operasi harian Kementerian. Ia meliputi pembayaran emolumen kakitangan, perolehan perkhidmatan dan bekalan, dan perolehan aset. Peruntukan Bajet Mengurus tahun 2009 sebanyak RM10.65 bilion yang sebahagian besarnya iaitu RM4.25 bilion atau 40% daripada jumlah tersebut adalah untuk pembayaran emolumen kakitangan.

Manakala peruntukan Bajet Pembangunan pada tahun 2009 adalah sebanyak RM2.35 bilion iaitu untuk membiayai kelengkapan ketenteraan dan infrastruktur. Peruntukan Bajet Pembangunan adalah rendah pada tahun ini disebabkan siling peruntukan yang disediakan bagi melaksanakan RMK-9 (2006-2010) telah hampir selesai. Jumlah siling Kementerian di bawah RMK-9 adalah sebanyak RM13.95 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar peruntukan telah dibelanjakan bagi tempoh 2006-2008. Oleh itu, segala keperluan untuk pembangunan aset ketenteraan dan modenisasi ATM telahpun diambil kira dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat pada RMK-9 mulai tahun 2006.

Nisbah Bajet Mengurus dan Bajet Pembangunan tidak boleh dibuat perbandingan mengikut tahun kerana peruntukan Bajet Mengurus disediakan untuk menampung keperluan perbelanjaan operasi harian tahunan. Manakala Bajet Pembangunan adalah merupakan peruntukan untuk menampung perbelanjaan bagi Rancangan Malaysia untuk tempoh lima tahun.

SOALAN NO: 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	JAWAB LISAN
DARIPADA	:	YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN AB. KADIR [KETEREH]
TARIKH	:	16 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Haji Abdul Aziz bin Ab. Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca kegagalan Kerajaan mempastikan pencapaian 30 peratus pegangan ekuiti Bumiputera sedangkan sejak merdeka lagi semua jawatan penting Kerajaan dipegang oleh Bumiputera, juga sila nyatakan semasa mencapai kemerdekaan berapa peratuskah ekuiti yang dipegang Bumiputera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh dan sentiasa komited dalam memastikan pencapaian matlamat pemilikan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera dalam bidang ekonomi. Namun begitu, Kerajaan sedar terdapat ruang untuk mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan dasar tersebut memandangkan sehingga kini Bumiputera masih belum mencapai

sasaran yang ditetapkan. Kerajaan telah melakukan pelbagai penambahbaikan ke atas strategi pelaksanaan sedia ada dan penekanan kini adalah untuk meningkat serta memperkukuhkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Di bawah pelaksanaan fasa kedua program MPPB, usaha-usaha terus dijalankan melalui inisiatif pembangunan kluster yang diterajui oleh pihak swasta bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera yang efektif dan berdaya tahan dalam rantaian ekonomi yang lebih tinggi. Sehingga kini, 13 kluster telah ditubuhkan yang merangkumi inisiatif di pelbagai industri seperti automotif, bioteknologi dan pembinaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha Kerajaan melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Wawasan Negara serta Misi Nasional (Teras 3) telah berjaya meningkatkan ekuiti Bumiputera kepada 19.4 peratus pada tahun 2006 berbanding 2.4 peratus pada tahun 1970. Berikut adalah statistik pencapaian kaum Bumiputera daripada bermulanya DEB sehingga tahun 2006:

Tahun 1970	-	2.4%
Tahun 1975	-	9.2%
Tahun 1980	-	12.5%
Tahun 1985	-	18.5%
Tahun 1990	-	19.2%
Tahun 1995	-	20.6%
Tahun 2000	-	18.9%
Tahun 2004	-	18.9%

Tahun 2006 - 19.4%

Bagi meningkatkan lagi ekuiti Bumiputera secara lebih bermakna dan menyeluruh, Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan turut memberi penekanan kepada aspek pemilikan aset produktif oleh Bumiputera khususnya di kawasan bandar, serta penglibatan Bumiputera dalam sektor-sektor pertumbuhan baru.